AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

قليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 46 | RABU 14 NOVEMBER, 1984. | رابو 19 صفر 1405 | PERCUMA

## PENGARAH PENERANGAN DIKURNIAKAN GELARAN PEHIN MANTERI UGAMA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan gelaran Pehin Manteri Ugama kepada Pengarah Penerangan dan menaikkan Pangkat Gelaran dua orang Pehin Manteri Ugama dalam satu Istiadat yang berlangsung di Lapau pada hari Selasa 6 November, yang lalu.

Berangkat di Istiadat tersebut ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah.

### KENAIKAN PANGKAT GELARAN

Istiadat yang dilangsungkan dengan penuh adat istiadat itu bermula dengan Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran kepada dua orang Pehin Manteri Ugama iaitu Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama dan Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned, Timbalan Kadi Besar.

Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim dikurniakan gelaran Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib manakala Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned dikurniakan gelaran Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam.

Surat Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran bagi kedua Pehin Manteri Ugama itu telah dibacakan oleh Yang Dimuliakan Pehin Khatib Awang Haji Mat Yassin bin Awang Damit.

Sejurus selepas itu kedua orang Pehin Manteri kemudiannya mengadap ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan untuk menjunjung Ciri Gelaran dan seterusnya menjunjung ziarah kepada Baginda serta Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien.

Setelah itu istiadat Pengurniaan Gelaran Pehin Manteri Ugama dilangsungkan bagi Pengarah Penerangan yang Mulia Ustaz Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman yang telah dikurniakan gelaran **Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib.**

### PEHIN MANTERI UGAMA

Istiadat pengurniaan gelaran tersebut dimulakan dengan Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned menapakkan gangsa sirih di atas bahu kanan dan kiri serta di atas bahagian kepala Ustaz Awang Haji Badaruddin.

Sejurus setelah itu ciri gelaran telah dibacakan oleh Mudim Awang Haji Mustapha bin Haji Murad.

Kemudian Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin mengadap menjunjung ziarah ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam serta Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien.

Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin bin

Lihat muka 8



YANG Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin junjung ziarah ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam sejurus selepas Istiadat Mengurniakan Gelaran.

## Brunei Darussalam kecam campurtangan Vietnam di Kampuchea

Oleh: Aisah Piee

NEW YORK. — Negara Brunei Darussalam mengecam campurtangan Vietnam di Kampuchea yang dikhuatiri akan memberi kesan yang buruk terhadap keamanan dan kemantapan Asia Tenggara.

Adalah sebagai amat mendesak bagi Brunei Darussalam untuk menambah suara di samping suara dari mereka yang menyokong resolusi Bangsa-Bangsa Bersatu yang menyeru Vietnam menarik diri dari Kampuchea, memandangkan Brunei Darussalam sendiri berada di dalam rantau Asia Tenggara.

### TINDAKAN

"Penawanan tentera serta pendudukan Kampuchea oleh Vietnam adalah jelas satu tentangan terhadap piagam Bangsa-Bangsa Bersatu, atas hak rakyat Kampuchea untuk menentukan nasib mereka sendiri, juga prinsip tidak campurtangan hal-ehwal dalam sebuah negara yang berdaulat."

Selain itu, tindakan Vietnam juga disifatkan sebagai satu contoh sikap tidak memperduli yang menyeluruh terhadap resolusi Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kenyataan Tuan Yang Terutama Wakil Tetap Brunei Darussalam Awang Haji Omar bin Haji Serudin, di Sidang Pleno Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu juga menjelaskan bahawa Vietnam berulang kali tidak memper-

Lihat muka 2

## Ucapan tahniah sempena Hari Kebangsaan Republik Maldives

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar tahniah kepada Tuan Yang Terutama Maumoon Abdul Gayoom, The President of The Republic of Maldives bersempena dengan Hari Kebangsaan The Republic of Maldives pada 11 November yang baru lalu.

### 'SPECIAL ENVOY'

Sementara itu, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan telah berangkat ke Male The Republic of Maldives pada 10 November sebagai 'Special Envoy' Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bagi menghadiri Upacara Pembukaan Pusat Islam di Male, The Republic of Maldives yang berlangsung pada 11 November.

### MANISNYA IMAN

"SIAPA yang dibiarkan sesat oleh Allah tiadalah orang yang akan memberi petunjuk kepadanya. Dan Allah membiarkan mereka dalam kederhakaannya mengembara tak tentu arah." — Makna ayat 186 Surah Al-A'araf.

ڤليتا بروني
Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU
AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

14 NOVEMBER, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## KEUTAMAAN DALAM HAL PERKAHWINAN:

## SUATU KESEDARAN YANG BARU PERLU DITIMBULKAN

PERKARA pertunangan yang lama di kalangan pemuda-pemudi kita dikatakan menjadi salah satu punca yang menyebabkan bertambahnya kes-kes khalawat dan persetubuhan haram dibicarakan di Makamah-Mahkamah Kadi di bawah Undang-Undang Ugama dan Mahkamah-Mahkamah Kadi tahun 1955. Dan pihak yang berkenaan mendapati bahawa pertunangan yang lama itu adalah disebabkan menunggu cukup belanja untuk mengadakan majlis persandingan di samping menyediakan belanja-belanja hantaran yang banyak untuk pihak lelaki.

Khutbah Jumaat yang disampaikan menerusi seluruh mimbar masjid-masjid baru-baru ini mengketengahkan perkara tersebut dengan menarik perhatian kepada sikap orang-orang kita yang lebih mengambil berat kepada persiapan dan perbelanjaan untuk mengadakan majlis bersanding serta juga keperluan yang diistiadatkan sebelum pasangan pemuda-pemudi diijab kabulkan. Dengan keutamaan-keutamaan diberikan kepada perkara-perkara tersebut seolah-olah perkara yang disyariatkan bagi satu-satu perkahwinan telah pula diabaikan. Maka kedudukan yang sedemikian itulah yang tidak wajar. Dan seterusnya khutbah itu mengingatkan bahawa upacara besar-besaran itu bukanlah wajib, tetapi yang wajib adalah akad nikah. Belanja berbelas atau berpuluh ribu itu bukanlah wajib, tetapi yang wajib itu hanyalah mahar. Perkara ini bukan tidak disedari tetapi malangnya kesedaran itu masih kalah ditewaskan oleh cara berfikir yang lama dalam hal perkahwinan.

Seterusnya khutbah berkenaan itu menyarankan satu huraian kepada masalah ini iaitu dengan cara mengijab kabulkan atau menikahkan pasangan yang bertunang itu terlebih dahulu sementara menunggu kedua-dua belah pihak mencukupkan perbelanjaan bagi acara-acara bersanding dan sebagainya. Huraian ini sekaligus bertujuan untuk membolehkan pasangan yang berkenaan itu bebas bercampurgaul secara halal dan sekaligus menyelamatkan mereka daripada bahaya-bahaya seperti khalwat dan perzinaan yang merupakan sama ada dosa di sisi Allah Subanahu Wataala ataupun kesalahan di sisi undang-undang yang berkuatkuasa pada masa ini.

Orang ramai mungkin berbelah-bahagi dalam menerima huraian tersebut. Sebahagian orang menyambut dan mengalu-alukan sebagai langkah yang wajar memandangkan peri mustahaknya kecenderungan masyarakat kita dalam hal perkahwinan segera dikawal dan dihalalkan kepada kehendak-kehendak yang dipersyaratkan oleh syarak. Sementara sebahagian yang lain bukan tidak bersadia menerima huraian tersebut dalam ertikata menolaknya tetapi lebih terikat kepada sikap dan cara fikiran lama di mana orang-orang kita beranggapan bahawa nikah dahulu sementara menunggu bersanding di suatu masa yang agak panjang kemudian itu dikirakan menjolok mata di sisi kebiasaan. Maka sikap yang sedemikian inilah yang disifatkan oleh khutbah tersebut sebagai kesedaran yang kalah ditewaskan oleh perasaan, sikap serta cara berfikir yang lama semata-mata kerana segan-silu terhadap kebiasaan yang sudah menjadi adat dalam hal perkahwinan.

Dalam apa hal jua pun kedudukan masalah mestilah diingat iaitu ajaran ugama atau kehendak syarak bagi satu-satu perkahwinan ialah bagi menghalalkan perhubungan di antara pasangan lelaki dan perempuan yang berkahwin menerusi pernikahan atau ijab kabul yang sempurna rukun dan syaratnya. Orang-orang kita bukan tidak mematuhi akan kehendak syarak itu. Tetapi dalam kita mematuhinya itu kita juga patuh kepada kebiasaan yang teradat di mana bagi setengah-setengah orang dengan memenuhi acara perkahwinan menurut yang lazim itu ia dapat pula memenuhi kebiasaan sebagai anggota masyarakat yang beradat. Maka dalam hal ini tentulah kita memerlukan keberanian bukan untuk meyakinkan orang ramai kepada kehendak-kehendak syarak di mana mereka sebenarnya sudah sedia berkeyakinan tetapi lebih dari itu ialah kita juga memerlukan langkah-langkah yang konkrit ke 'arah mengawal, memimpin dan seterusnya menghalakan sikap dan pemikiran orang ramai kepada fahaman yang sebenarnya dalam hal perkahwinan. Pendedahan yang dibuat berhubung dengan kes-kes khalwat dan perzinaan itu adalah suatu langkah yang tepat bagi menarik perhatian masyarakat terhadap akibat sikap mengabaikan kehendak syarak dalam hal perkahwinan. Sejauh ini seolah-olah pasangan muda-mudi telah lebih didorongkan dan digalakkan untuk sekadar bertunang sehingga mereka percaya dengan pertunangan itu membolehkan mereka bergaul bebas bukan sahaja di khalayak ramai bahkan juga di hadapan keluarga masing-masing. Padahal mereka sepatutnya diselamatkan supaya pergaulan bebas yang mereka tempuh sebagai pasangan itu wajiblah secara halal menerusi pernikahan.

Maka ke arah langkah yang konkrit bagi tujuan itu kita berpendapat semua pihak dalam masyarakat dan bahkan juga peringkat rasmi perlu juga mencontohkan di samping sama-sama berusaha menimbulkan semacam kesedaran baharu dalam hal perkahwinan.



T.Y.T. Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke Malaysia, Awang Haji Jaya.

## Brunei hantar wakil ke upacara membakar mayat mendiang Indira Gandhi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah menghantar wakil bagi menghadiri upacara membakar mayat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri India, Puan Indira Gandhi awal bulan ini.

Menurut Siaran Akhbar Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah menitahkan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam ke Malaysia, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif untuk mewakili Kerajaan Baginda di upacara tersebut yang diadakan di New Delhi pada 3 November yang lalu.

Negara Brunei Darussalam adalah di antara lebih dari 90 buah negara di seluruh dunia menghantar wakil ke upacara membakar mayat mendiang Puan Indira Gandhi itu.

# Vietnam tidak menghormati piagam P.B.B.

Dari muka 1

duli resolusi Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu sejak sidang ke-34 perhimpunan itu, yang menyeru bagi pengunduran tenteranya dari Kampuchea.

### TIDAK MENGHORMATI

"Dengan tindakan menentangnya itu, Vietnam sudah jelas menunjukkan sikap tidak menghormati piagam Bangsa-bangsa Bersatu yang dianggotainya serta tidak mengindahkan kehendak-kehendak rakyat Kampuchea untuk menentukan nasib mereka sendiri," jelas Tuan Yang Terutama .

Tuan Yang Terutama berkata, Brunei Darussalam tidak bermaksud memandang kecil kepentingan keselamatan Vietnam dalam soal negara Kampuchea tetapi penyelesaian itu hendaklah juga mengambil kira akan kepentingan keselamatan semua negara di rantau itu.

Perkara ini telah disebut oleh ASEAN dalam cadangannya kepada Vietnam, dan Vietnam hendaklah memahami bahawa ia mestilah mengundurkan tenteranya dari Kampuchea sebelum mereka semua dapat duduk dan berunding.

### MUDAH DILENTUR

"ASEAN bersikap mudah dilentur untuk tidak menuntut pengunduran serta-merta, menyeluruh serta lengkap, agar Vietnam dapat diyakinkan akan maksud baik ASEAN," tegas Tuan Yang Terutama.

Bagaimanapun, Vietnam pada pihaknya mestilah menunjukkan tujuan sebenar pengunduran tenteranya dan mengakui bahawa kehendak-kehendak rakyat Kampuchea sendiri adalah merupakan asas kepada masalah itu.

Untuk tujuan sedemikian itu, Menteri-Menteri Luar ASEAN mengeluarkan rayuan bagi Kemerdekaan Kampuchea pada 21 September, 1983 yang mengandungi langkah paling tepat dan praktikal yang membawa kepada penyelesaian politik yang lengkap, dalam mana Menteri-Menteri Luar ASEAN menyeru Vietnam untuk menyokong perdamaian kebangsaan.

### HASRAT

Kenyataan Tuan Yang Terutama Wakil Tetap Brunei Darussalam di sidang itu juga menjelaskan bahawa Brunei Darussalam tetap teguh menyokong kerajaan campuran demokratik Kampuchea di bawah pimpinan presidennya Putera Norodom Sihanouk dan bukannya rejim yang pada masa ini, yang ditubuhkan dengan kekerasan oleh satu kuasa luar.

"ASEAN dan Brunei Darussalam tidak mempunyai niat lain dalam masalah rakyat Kampuchea ini selain dari hasrat untuk menyaksikan kemerdekaan kebangsaan serta perpaduan kebangsaan Kampuchea dipulihkan serta diwujudkan keamanan, keselamatan, kemantapan serta perkembangan jangka panjang di Kampuchea yang akan membawa kepada keselamatan semua jiran tetangganya, termasuk Vietnam," jelas Tuan Yang Terutama.

### KEMANTAPAN

Tuan Yang Terutama itu berkata, ASEAN akan terus mempastikan agar rantau Asia Tenggara dapat menikmati kemantapan politik serta ekonomi, mewujudkan bersama keamanan dengan jiran tetangganya, serta perkembangan dan pertubuhan ekonomi yang berterusan.

Tindakan serta sikap Vietnam dalam masalah rakyat Kampuchea, jelas kenyataan itu, melemahkan keamanan, keselamatan serta kemantapan di rantau ini.

"Yang demikian, kami menyeru kepada Vietnam untuk menghentikan kegiatan permusuhan di Kampuchea agar kami semua dapat mengumpulkan tenaga serta sumber-sumber kami bagi mewujudkan rantau ini sebagai kawasan yang makmur lagi mantap," tegasnya.



T.Y.T. Wakil Tetap ke PBB, Awang Haji Omar.

## Sumbangan Brunei kpd Majlis Sukan Universiti ASEAN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan untuk menganugerahkan sumbangan kewangan kepada Majlis Sukan Universiti-Universiti ASEAN.

Sumbangan secara ihsan ala-kadar itu berjumlah B$25,000.00 yang diperuntukkan bagi musim Sukan Universiti-Universiti ASEAN yang ketiga yang berlangsung di Kuala Lumpur mulai 10 November yang lalu.

Sumbangan itu adalah semata-mata bagi mewujudkan rasa muhibah Negara Brunei Darussalam dalam konsep persefahaman terhadap semangat ASEAN.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh dua orang wakil Negara Brunei Darussalam di Seminar Majlis Sukan Universiti-Universiti ASEAN yang telah diadakan pada 8 dan 9 November yang lalu.

Mewakili Negara Brunei Darussalam ke seminar itu ialah dua orang pegawai kanan dari Kementerian Pelajaran dan Kesihatan yang terdiri dari Awang Mohammad Dennis bin Haji Roslee, Penolong Pengarah Pelajaran dan Awang Mohammad bin Haji Ismail, Pegawai Pelajaran Bahagian Latihan Jasmani.

Setakat ini, Negara Brunei Darussalam belum menjadi ahli dalam Majlis Sukan Universiti-Universiti ASEAN.

## Lawatan Penghulu dari Daerah Belait

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan yang mengandungi seramai 26 orang penghulu, ketua-ketua kampung dan ketua-ketua rumah panjang Daerah Belait telah mengadakan lawatan ke Jabatan Penerangan di sini baru-baru ini.

Kunjungan anjuran Pejabat Daerah Belait itu diisikan dengan acara beramah-mesra dengan Pengarah Penerangan, Awang Haji Badaruddin bin Pengarah Haji Othman, dalam mana pelawat-pelawat hari itu berpeluang mengemukakan beberapa soalan.

Mereka juga telah mendengar penerangan mengenai hal-ehwal dan susunan pentadbiran serta fungsi Jabatan Penerangan yang telah disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Yusof bin Ladi, dan cara-cara pengendalian akhbar Pelita Brunei dari Pegawai Penerangan di Bahagian Unit Akhbar Pelita Brunei, Pengiran Abdul Hamid bin Pengiran Haji Abas.

Rombongan yang diketuai oleh tiga orang pegawai dari Pejabat Daerah Kuala Belait itu, terdahulu dari itu telah mendengar ucapan alu-aluan Pengarah Penerangan. Lawatan kemudiannya diteruskan dengan kunjungan ke Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Residency.

## RALAT

DALAM siri tulisan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja minggu lepas di bawah "Tanda-tanda Kecil Hari Kiamat" ruang kelima no. 6 hendaklah dibaca 'Kapal Terbang' bukan Kapala Terbang.

Manakala di muka 14 keluaran minggu lepas akhbar ini di bawah tajuk "Pertunangan Yang Lama Salah Satu Puncanya" ruang keempat para akhir hendaklah dibaca seperti berikut: Khutbah itu seterusnya mengingatkan, "upacara besar-besaran itu TIDAK wajib, tetapi yang wajib ialah akad nikah, belanja berbelas atau berpuluh ribu itu bukan wajib, tetapi yang wajib hanya mahar. Mengapa tidak mahu kita fahamkan hal ini?" — Penyunting.

INDUSTRI utama Brunei ialah minyak — negara ketiga terbesar pengeluar minyak bagi negara-negara Komanwel selepas Canada dan Nigeria. Begitu juga dengan penghasilan lima juta tan setahun, Brunei telah menjadi negara pengeluar gas cecair asli (liquified natural gas) terbesar di dunia.

Sesungguhpun demikian, Brunei tidak dapat menghindarkan diri dari kesan-kesan kemelesetan dan tekanan-tekanan luar akibat daripada ketidakseimbangan ekonomi yang dialami oleh dunia.

Situasi ekonomi dunia yang melahirkan gambaran yang meleset pada tahun sebelumnya masih juga berterusan sepanjang tahun 1983.

MASALAH EKONOMI

Berhadapan dengan latarbelakang kekacauan dan ketidakpastian ekonomi antarabangsa itu, Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad telah menyekat pengeluaran minyak pada paras purata 175,000 tong sehari bagi jangka masa lima tahun bermula dari tahun 1982 lalu, sejajar dengan polisi kawalan pengurangan minyak oleh Kerajaan.

Ini bukanlah bermakna disebabkan oleh sumber minyak semakin 'ketandusan' tetapi adalah berikutan daripada ketidakstabilan harga minyak dan kedudukan pasaran minyak dunia masa kini biarpun Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Minyak (OPEC) telah cuba sedayaupaya untuk menghadkan pengeluaran dalam usaha untuk menetapkan paras harga minyak.

Sebagai sebuah negara yang ekonominya bergantung kepada pemasaran minyak dan gas cecair asli, Negara Brunei Darussalam tidak dapat lari daripada masalah ekonomi dunia luar itu. Kedudukan ekonomi dunia yang menunjukkan gambaran yang tidak begitu baik di masa ini juga akan membabit kedudukan hasil negara.



GAMBAR ini menunjukkan kilang penapis minyak yang baru.

## PENGELUARAN MINYAK DIKURANGKAN PURATA 175,000 TONG SEHARI

# BUKAN BERMAKNA SUMBER MINYAK SEMAKIN TANDUS

Oleh: Jahri Haji Abd Latif

INDUSTRI utama Brunei ialah minyak — negara ketiga terbesar pengeluar minyak bagi negara-negara Komanwel selepas Canada dan Nigeria. Begitu juga dengan penghasilan lima juta tan setahun, Brunei telah menjadi negara pengeluar gas cecair asli (liquified natural gas) terbesar di dunia.

Sesungguhpun demikian, Brunei tidak dapat menghindarkan diri dari kesan-kesan kemelesetan dan tekanan-tekanan luar akibat daripada ketidakseimbangan ekonomi yang dialami oleh dunia.

Situasi ekonomi dunia yang melahirkan gambaran yang meleset pada tahun sebelumnya masih juga berterusan sepanjang tahun 1983.

### MASALAH EKONOMI

Berhadapan dengan latarbelakang kekacauan dan ketidakpastian ekonomi antarabangsa itu, Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad telah menyekat pengeluaran minyak pada paras purata 175,000 tong sehari bagi jangka masa lima tahun bermula dari tahun 1982 lalu, sejajar dengan polisi kawalan pengurangan minyak oleh Kerajaan.

Ini bukanlah bermakna disebabkan oleh sumber minyak semakin 'ketandusan' tetapi adalah berikutan daripada ketidakstabilan harga minyak dan kedudukan pasaran minyak dunia masa kini biarpun Pertubuhan Negara-negara Pengeluar Minyak (OPEC) telah cuba sedayaupaya untuk menghadkan pengeluaran dalam usaha untuk menetapkan paras harga minyak.

Sebagai sebuah negara yang ekonominya bergantung kepada pemasaran minyak dan gas cecair asli, Negara Brunei Darussalam tidak dapat lari daripada masalah ekonomi dunia luar itu. Kedudukan ekonomi dunia yang menunjukkan gambaran yang tidak begitu baik di masa ini juga akan membabit kedudukan hasil negara.

### BERLINDUNG DARI INFLASI

Tetapi syukur Alhamdulillah dengan nikmat yang dikurniakan oleh Allah s.w.t Negara Brunei Darussalam serta isi penduduknya dapatlah berlindung daripada kesan-kesan buruk disebabkan oleh kemelesetan ekonomi serta inflasi dunia itu.

Walaupun pada masa ini harga pasaran minyak kita masih lagi rendah disebabkan terpaksa mengikut reaksi keperluan dan pembekalan minyak dunia tetapi, kita masih boleh dapat hasil pendapatan yang dianggarkan berjumlah B$6,574,362,000. Pendapatan ini bukan sahaja kita masih mampu meneruskan rancangan-rancangan perkembangan dan pembangunan negara malah dapat pula menunjukkan lebihan yang menggalakkan jika dibanding dengan anggaran belanjawan negara tahun 1984 sebanyak $2,651,196,740.

Menurut ulasan kemajuan tahun 1982, meskipun sekarang ini wujud keadaan-keadaan lebih bekalan di pasaran antarabangsa, Shell Brunei bagaimanapun berjaya menjual minyak dan gasnya pada paras pengeluaran yang dirancangkan. Pengeluaran gas cecair asli (LNG) ialah sebanyak 155 kargo, dan ini menghasilkan jumlah agreget sepuluh tahun sebanyak 1,355 kargo yang telah dihantar ke Jepun.

### EXPORT KE JEPUN

Jumlah eksport gas ke Jepun ialah 97 peratus. Cuma tiga peratus sahaja yang tinggal bagi kegunaan tempatan.

Sekarang ini, adalah terbukti bahawa kemudahan eksport akan dapat berjalan dengan baik menjangkaui tarikh habis tempoh kontrak bekalan dalam tahun 1993. Masa yang ada sehingga tempoh tersebut, bagaimanapun, secara perbandingannya adalah kurang dalam hubungannya dengan apa yang perlu dibuktikan dan untuk membangun sumber-sumber baru gas terutamanya di kawasan perairan dalam.

Justeru itu, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk menjalankan eksplorasi yang lebih intensif dan program ditujukkan kepada mengenali secara tepat akan simpanan-simpanan gas untuk jangkamasa selepas tahun 1993.

Minyak pula, tambahan simpanan yang didapati dalam tahun 1982, secara lebih kurangnya dapat menggantikan dengan jumlah yang dikeluarkan. Ini memberikan petunjuk bahawa kedudukan simpanan minyak Brunei terus berada dalam keadaan yang sihat.

### PENEMUAN BARU

Taksiran dari penemuan-penemuan telaga minyak baru seperti Egret dan perlaksanaan yang lebih baik tangki-tangki pengeluar minyak di telaga-telaga minyak yang sedia ada seperti di Ampa Barat Daya, telah memberikan sumbangan yang besar kepada penggantian hasilan pengeluaran sekarang. Ini menunjukkan bahawa rancangan jangka panjang yang diamalkan bagi pemulihan yang optimum untuk simpanan hidrokarbon telah menghasilkan tawaran-tawaran yang baik bagi masa depan.

Sealiran dengan polisi ini, beberapa projek besar telah dimulakan sejak beberapa tahun. Antaranya gas Ampa Fairly, di mana projek ini turut membantu dalam usaha meningkatkan pengeluaran gas daripada langkah-langkah pemulihan yang cekap dan pengurusan tangki minyak yang terancang dengan baik itu.

### PENYELIDIKAN

Hari ini Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad mengambil berat terhadap penyelidikan dan penghasilan minyak dan gas, penapisan minyak serta perniagaan minyak mentah. Ia menjual gas asli kepada Brunei LNG untuk dicairkan. Brunei Coldgas pula bertanggungjawab untuk pengangkutan dan perniagaan antarabangsa gas cecair asli serta Pemasaran Shell Brunei berkaitan dengan pemasaran minyak dan hasil-hasil sampingan bahan-bahan kimia di negeri ini.

Mengenai kawasan bagi kerja-kerja carigali minyak pula terdapat seluas 11,786 kilometer persegi di darat dan luar pantai yang dipersetujui dalam Perjanjian Carigali Petroleum. Bagaimanapun daripada jumlah itu, 8,760 kilometer persegi diberikan kepada Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad. (Brunei: 78 — 81)

Kajian sesismik yang ekstensif telah dijalankan pada tahun 1979 di kebanyakan kawasan darat yang diperuntukkan kepada Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad. Lain-lain syarikat minyak yang diberikan hak peruntukkan adalah Sunray Borneo dan Woods.

Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad telah membelanjakan lebih B$350 juta sejak perang dunia kedua bagi tujuan kerja-kerja mencarigali minyak dan mencari bahan hidrokarbon (Brunei: 78 — 81). Cuma 330 daripda 650 telaga minyak yang telah digali di Seria boleh dikatakan mengeluarkan minyak yang banyak. Ini termasuklah Ampa Barat Daya, Fairley, Champion dan Magpie dan kesemuanya terletak di luar pantai.

### BENGKEL TERMODEN

Berbagai cara digunakan bagi mendapatkan minyak di kawasan-kawasan tersebut. Sebahagian daripada telaga itu mengeluarkan minyak dengan sendirinya, sementara yang lain terpaksa dipam atau diangkat dengan menggunakan kuasa gas. Bagi mengendalikan segala kerja mencarigali minyak dan gas ini, Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad mempunyai sebuah bengkel yang termoden dengan segala kemudahan alat di rantau Asean. Bengkel ini mempunyai beratus orang jurutera dan juruteknik di samping giat memberikan latihan kepada warganegara Brunei mengenai teknologi terbaru yang berkaitan dengan minyak dan gas serta kerja-kerja mencarigali.

Operasi ini juga dibantu oleh helikopter dan kapal-kapal marin seperti kapal pengangkut penumpang, bot kerja, bot penarik, kapal perenang dan peninjau, tongkang bagi kerja-kerja kejuruteraan, "dumb lighter" bahkan juga sebuah feri kereta.

Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad setakat ini menyediakan pekerjaan kepada lebih 3,000 orang kakitangan dan sebahagian besarnya adalah terdiri daripada rakyat Brunei. Ia mempunyai skim latihan yang lengkap, perkhidmatan perubatan yag cekap serta menyediakan perumahan dan tempat rekreasi kepada pekerja-pekerjanya.



SALAH sebuah pelantar minyak yang terdapat di luar pantai.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-251



# TANDA-TANDA KECIL HARI KIAMAT

## (Sambungan)

7) Tanah Arab Menjadi Ladang:

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dari Hadis Abi Hurairah telah berkata: Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah bersabda:

Ertinya: "Tiada bangkit hari kiamat sehingga Tanah Arab itu menjadi ladang tanaman dan menjadi sungai-sungai, sehingga seseorang belayar di antara negeri Iraq dengan Mekah tiada ia melainkan takut sesat jalan."

Ini disebabkan banyak jalan-jalan direntang di padang pasir Tanah Arab dan motokar dan kenderaan moden pergi balik, tiada takut seseorang melainkan takut sesat kerana banyak jalan menghubungi bahagian Tanah Arab itu.

Adapun Tanah Arab itu menjadi ladang-ladang tanaman dan menjadi sungai-sungai mengalir, kerana senang perhubungan dan lalulintas, dan barangsiapa melihat jalan raya di antara Mekah, Al-Madinah dan antara Jeddah dan Mekah nescaya itu mendapati bahawa negeri Hijaz itu akan menjadi ladang tanaman dan banyak sungai mengalir.

8) Orang-orang Madinah Makan Angin di Syam:

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Dailami dalam Musnadu Al-Firdausi daripada sahabat Abu Hurairah berkata: Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam:

Ertinya: "Tiada bangkit hari kiamat sehingga orang-orang keluar dari Al-Madinah Al-Munawarah menuju ke negeri Syam mencari kesihatan."

Hadis ini memberitahu bahawa ada perhubungan jalan di antara Al-Madinah dengan Syam, pada awal-awal kurun 20 ini, keretapi telah dihubungi dari Syam kepada Al-Madinah dan penulis telah melihat di Al-Madinah masih ada bangkai rail keretapi dan jalan keretapi dan ada banyak perhubungan Al-Madinah dengan motokar dan bas dan kapal terbang dengan negeri Syam, maka penduduk-penduduk Al-Madinah, negeri Arab di pantai Parsi dan Jeddah dan Mekah pergi bersenang-senang diri di pantai Syam iaitu pantai-pantai Syria, Lebnon. Penulis ini melihat orang-orang Tanah Arab berduyun-duyun makan angin di negeri Mesir pada masa panas padahal perjalanan di antara Al-Madinah dengan Syam lebih dari 20 hari dengan menunggang unta, bagaimana orang-orang Madinah pergi ke Syam dengan unta, dengan menanggung penat, padahal mereka orang senang rehat, maka itu ialah isyarat daripada Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam dalam Hadis-Hadis akan ada motokar dan kapal terbang memudahkan mereka pergi rehat di Syam.

9) Dajal Menggunakan Motokar dan Kapal Terbang:

Hadis-Hadis ada mengkhabarkan bahawa ada kapal-kapal terbang dengan berbagai-bagai jenis, dan kapal-kapal terbang itu mengangkut manusia dan barang-barang seperti dalam Hadis: Siri lalu bilangan IV mengenai masa yang jadi singkat dan Hadis-Hadis dalam perkara dajal yang menjajah bumi dalam masa yang singkat itu melainkan dengan motokar dan kapal terbang.

Ada Hadis mengatakan dajal itu naik kapal dan menjelajah bumi dengan kapal terbang dan seumpamanya seperti Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim dalam Al-Syahih daripada Hadis sahabat Nawwas bin Samaan: Kami berkata: "Ya Rasulullah, bagaimana sekiranya (dajal) di atas muka bumi?."

Sabdanya: "Seperti laju hujan yang ditolak oleh angin."

10) Masjid Jadi Jalan Raya:

Hadis yang diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabarani dalam Al-Kabir daripada Hadis Ibnu Masaud Radiallahuan telah berkata: Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam:

Ertinya: "Tiada bangkit hari kiamat sehingga orang-orang memberi salam hanya kepada orang yang mereka kenal, sehingga masjid-masjid itu dijadikan jalan, dan tiada dapat orang sujud kepada Allah di dalam masjid-masjid itu, sehingga orang muda menghantar orang tua dalam sesuatu perkara dalam perjalanan yang jauh di antara dua ufuk (dengan kapal terbang), dan sehingga saudagar menghantar barang-barang perniagaan di antara ufuk (kapal terbang) dan ia tiada dapat sesuatu laba dari perniagaan itu. Dan erti ufuk itu ialah arah-arah dan pihak-pihak dari falak.

11) Periuk api dan Ranjau:

Firman Allah Taala: (Surah Al-An-Am ayat 65): Tafsirnya: "Kata olehmu ya Rasulullah! Dia (Allah)yang berkuasa akan mengirimkan ke atas kamu manusia suatu azab dari pihak langit atau dari pihak bawah kaki kamu."

Ayat ini menerangkan tentang kapal terbang yang menggugurkan bom dari langit, Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah ditanya dalam perkara ayat ini, sabdanya:

Ertinya : "Itu akan berlaku, dan belum ada suatu tafsir padanya pada masa ini." Diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dalam Al-Musnad dari Hadis sahabat Saad Ibnu Abi Waqqas dengan Sanad Hasan.

Kandungan ayat ini telah berlaku bahawa orang-orang Islam dan bukan Islam dibom dari langit, sehingga manusia sentiasa takut dari bom-bom atom iaitu azab yang rata dan am kepada manusia.

Adapun azab yang datang dari bawah kaki iaitu periuk api, ranjau-ranjau bom yang dipasang di bawah tanah yang membinasakan manusia dan kenderaan atau dipasang di bawah-bawah rumah dan bangunan, yang meruntuhkan rumah-rumah dan penghuni-penghuni rumah itu.

Ayat ini juga menunjukkan pada perkara-perkara yang besar seperti kapal-kapal selam, dan periuk-periuk api dipasang di laut-laut dan di muara sungai-sungai dan di pantai-pantai dan lain-lain.

12) Dunia Dicantikkan Kemudian Dibom Dengan Atom:

Firman Allah Taala: (Surah Yunus dalam ayat 24): Tafsirannya: "Sehingga apabila bumi itu mula cantik dengan keindahan dan berhiasan dengan keelokan, dan penduduk-penduduk bumi itu menyangka kuat bahawa mereka berdaya pada mencantikkan bumi itu, maka turunlah azab Kami ke atas bumi itu pada malam atau siang hari, maka Kami jadikan keindahan bumi itu seperti tanaman yang telah dituai. Seolah-olah tiada sebelum itu."

Atau mereka menggunakan atom bagi memerangi lawan mereka dengan sebab itu jadilah dunia itu binasa seperti padang tekukur, tetapi tiada jadi binasa itu melainkan telah keluar Al-Imam Al-Mahadi, dan setelah turun Nabi Isa Alaihis Salam kerana membunuh dajal, dan naik matahari dari barat, dan keluar binatang dari tanah, dan lain-lain sebagaimana dalam Hadis-Hadis Sahih yang menyebutkan perkara yang akan berlaku dengan tiada syak lagi. Dan kiamat itu hampir sangat datang dan dari tanda-tanda yang besar seperti Al-Imam Al-Mahadi dan Nabi Isa Alaihis Salam itu ditunggu dari satu masa ke satu masa pada zaman kita ini.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)



PENUNTUT-penuntut pertama yang telah berjaya dalam STU sebelum bertolak ke Mesir.

# Rombongan negara ke Maldives

BANDAR SERI BEGAWAN. — Satu rombongan Negara Brunei Darussalam telah berlepas ke Republik Maldives pada 8 November lepas untuk memenuhi undangan Kerajaan Republik tersebut bagi menghadiri Pembukaan Rasmi Bangunan Pusat Islam yang baru di Male ibu kota Republik Maldives pada 11 November lepas.

Rombongan tersebut diketuai oleh Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain bin Haji Seruddin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, dan dianggotai oleh Awang Haji Besar bin Haji Abu Bakar, Setiausaha Majlis Ugama Islam dan Pengiran Mustapha bin Pengiran Metassan, Pegawai di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

### LANJUTKAN PELAJARAN

Pada hari yang sama juga, seramai 18 orang penuntut-penuntut Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, telah bertolak ke Singapura dalam perjalanan mereka ke Mesir untuk melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar.

Mereka adalah penuntut-penuntut pertama yang telah mengikuti Peperiksaan Sijil Tinggi Ugama yang mula-mula sekali diadakan di negara ini.

# TERIMA BANTUAN DARI MUIB

TEMBURONG. — Majlis Ugama Islam Brunei Darussalam baru-baru ini telah memberikan bantuan wang sebanyak $7,782.00 kepada 3 orang penduduk kampung di daerah ini bagi maksud untuk menampung perbelanjaan memperbaiki rumah dan keperluan-keperluan yang lain.

Mereka terdiri daripada Awang Saman bin Duraman, berasal dari Kampong Rataie yang telah menerima sebanyak $2,000.00. Dayang Norsah binti Momin dari Kampong Piasau-Piasau menerima sebanyak $5,182.00 dan Awang Mohd Zain bin Abdullah dari Kampong Negalang menerima sebanyak $600.00.

Bantuan tersebut telah disampaikan oleh Ustaz Pengiran Haji Jabaruddin bin Pengiran Haji Mohd. Salleh, Kadi Daerah Temburong dan telah disaksikan oleh Awang Abdul Jalil bin Tamin, Pembantu Pengelola Baitulmal Zakat dan Fitrah daerah tersebut.

# Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 14 November, 1984 hingga ke hari Selasa 20 November, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 14–15 | 12.11 | 3.28 | 3.29 | 6.06 | 6.07 | 7.21 | 7.22 | 4.49 | 4.35 | 4.50 | 6.06 | 6.07 |
| 16–20 | 12.12 | 3.29 | 3.30 | 6.07 | 6.08 | 7.22 | 7.23 | 4.51 | 4.37 | 4.52 | 6.07 | 6.08 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.

# Soal jawab di alam kubur:

# SEMUA ANGGOTA BERKATA-KATA




MARILAH kita sama-sama menyuburkan rasa takwa kepada Allah kerana takwa itu pasti menumbuhkan berbagai-bagai macam amalan yang salih, sedangkan tiada bertakwa itu pula menumbuhkan berbagai-bagai macam maksiat. Ingatlah bahawa segala macam perbuatan — perbuatan dan amalan itu, yang baik ataupun yang buruk semuanya dicatat dan ditulis, oleh malaikat sebagaimana firman Allah Taala di dalam Al-Quran Surah Qaf ayat 18 yang bermaksud:

"Tiadalah seorang itu mengucapkan sesuatu perkataan melainkan di sampingnya ialah Malaikat Rakib dan Atid."

Jadi jangankan yang merupakan perbuatan dari sesuatu anggota tubuh, sedangkan ucapan dan lintasan dalam hati pun dicatat seluruhnya. Catatan lengkap itu akan ditimbangkan di mizan dan kita dapat mengetahui sendiri kemudian. Setelah itu barulah ada ketentuan sama ada masuk syurga atau neraka.

**DIBANGKITKAN**

Sebelum semua catatan amal itu ditimbang, lebih dahulu sekalian manusia dikumpulkan di Padang Mahsyar, iaitu sesudah mereka dibangkitkan dari kubur masing-masing. Di saat itu panasnya luar biasa sebab letak matahari benar-benar hampir dengan bumi, sebagaimana yang dimaksudkan di dalam Hadis yang bermaksud: **"Sesungguhnya matahari itu dekat pada hari kiamat (dengan letak bumi), sehingga peluh manusia itu ada yang mencapai setengah telinga."**

Di samping itu perkiraan amal atau hisab sudah tentu akan disaksikan oleh Malaikat, tetapi yang melaksanakannya adalah semata-mata Allah Subhanahu Wataala sendiri tanpa perantaraan sesiapa pun sebagai perantaraan di dalam bersoal jawab atau sebagai jurubahasa. Ini jelas disebutkan di dalam sebuah Hadis yang maksudnya kira-kira: **"Tiada seseorang pun di antara kamu melainkan Allah akan bercakap dengannya pada hari kiamat, di antara Tuhan dan orang itu tiada yang menjadi jurubahasanya, dan ia tiada dilindungi oleh sebarang hijab atau dinding, orang itu melihat di sebelah kanannya, tiada yang melihatnya melainkan amalan yang sudah dilakukannya. Ia melihat pula ke sebelah kirinya dan tiada pula yang dilihatnya melainkan neraka. Maka dari itu takutlah kamu akan azab api neraka sekalipun dengan bersedekah sebelah buah kurma."**

**HISAB**

Menurut riwayat bahawa lamanya hisab itu sebenar-benarnya hanyalah setengah hari, tetapi ada yang merasakan setahun dan ada yang merasakan lebih lama dari itu, semuanya itu bergantung kepada amalannya sendiri ketika berada di dunia. Bagi orang mukmin hisab itu tidaklah sebagaimana orang-orang kafir dalam hal kesengsaraan dan kesukarannya, kerana orang mukmin, insya-Allah, akan memperolehi kerahmatan, belas kasihan dan pengampunan dari Allah Taala. Malahan ada orang mukmin yang dapat masuk syurga dengan tidak dihisab sama sekali.

Rasanya perlu diingat, bahawa waktu dihisab itu yang berkata bukanlah mulut, tetapi anggota tubuh badan yang melakukan sendiri sama ada yang berupa kebajikan mahupun yang berupa kejahatan. Ini dijelaskan oleh Allah dalam firman-Nya, surah Yassin ayat 65 yang bermaksud: **"Pada hari hisab di hari kiamat itu Kami (Allah) mengunci mulut-mulut mereka dan tangan mereka sama berkata-kata kepada Kami, sedangkan kaki-kaki mereka menjadi saksi-saksinya dari apa yang mereka lakukan (di dunia)."**

Oleh kerana segala perbuatan, perkataan dan gerak-geri hati kita tetap dicatat oleh Rakib dan Atid dan segala-segalanya tetap diketahui oleh Allah Taala baik yang jahat mahupun yang baik maka wajiblah kita sentiasa berwaspada menjaga diri masing-masing jangan sampai kita melanggar tegahan Allah Taala, dan pastikanlah bahawa segala amalan, perkataan dan hati kita selaras dengan kehendak ajaran Islam yang benar, supaya kita akan memperoleh keselamatan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

# DADAH PEMUSNAH KEHIDUPAN

TABIAT suka meniru-niru dengan tidak meneliti akan baik buruknya sesuatu yang datang dari luar adalah merupakan suatu amalan yang sampai sekarang masih belum dapat dihapuskan lagi. Kalaulah peniruan itu kepada suatu perkara yagn baik dan mendatangkan faedah atau manfaat, tidak lagi kita perlu persoalkan hal tersebut tetapi yang perlu kita ambil perhatian ialah yang meniru perkara-perkara yang buruk dan merosakkan.

Sebagai misalan yang paling ketara dewasa ini ialah meniru akan tingkah-laku perkara yang berunsur hal-hal yang mendatangkan khayalan, baik dari sekecil-kecil perbuatan yang bersifat mengkhayalkan sehinggalah kepada tahap yang membahayakan, sebagai contoh yang paling dikhuatiri ialah penagihan dadah. Penagihan dadah adalah merupakan satu peniruan atau resapan daripada pengaruh luar yang amat ditakuti, yang mana perkara ini telah beransur-ansur mulai merebak di kalangan muda-mudi baik ianya di kalangan yang sudah mempunyai pekerjaan mahupun di pihak anak-anak sekolah. Bahkan setengah negara telah mengkategorikan bahaya dadah sekarang menjadi musuh nombor satu negara, kerana ia telah merebak dengan pesatnya dan mengancam ugama, bangsa dan negara.

Seorang muslim bukan menjadi milik dirinya yang mutlak, tetapi dia adalah milik ugama dan umatnya. Hidupnya, kesihatannya, hartanya dan seluruh hikmat yang diberi oleh Allah Subhanahu Wataala kepadanya adalah sebagai barang amanah. Oleh itu setiap muslim tidak boleh menyalahgunakan amanah itu. Mengikut kaedah am "bahawa setiap muslim diharamkan makan atau minum sesuatu yang dapat membunuh sama ada lambat ataupun cepat, misalnya racun dengan segala jenisnya, atau sesuatu yang membahayakan termasuk makan atau minum yang terlalu banyak yang menyebabkan sakit dan membahayakan diri."

Berdasarkan kaedah ini terdapat sepotong ayat suci Al-Quran di Surah An-Nisaa' ayat 29 maksudnya: *"Janganlah kamu membunuh diri kamu kerana sesungguhnya Allah Maha Penyayang kepadamu."* Manakala larangan yang lain terdapat di dalam Surah Al-Baqarah sebahagian ayat 195 Maksudnya: *"Jangan kamu senghaja menjatuhkan diri kamu sendiri ke dalam bahaya kebinasaan."*

Bertolak dari petikan ayat-ayat suci Al-Quran tersebut, dapat ditakrifkan bahawa setiap yang membahayakan atau membinasakan itu adalah menjadi tegahan Allah Subhanahu Wataala. Sifat-sifat sedemikian terdapat kepada dadah, dadah adalah suatu yang jelek dan kotor. Sekalipun perkataan dadah tidak ada disebutkan di dalam nas Al-Quran dan Hadis, tetapi bahayanya yang begitu besar yang boleh menyebabkan kerosakan kepada kehidupan individu dan masyarakat, lantaran itu dadah sama takrifnya dengan arak, malah lebih besar bahayanya daripada arak.

Di antara kerosakan yang didatangkan angkara dadah itu ialah:

Pertama: Kerosakan di segi ugama dan perangai.

Orang yang menggunakan bahan ini boleh melupakan dirinya, ugamanya dan dunianya, serta tenggelam di dalam lembah khayalan dan angan-angan. Bila perkara ini berlaku maka pedoman penagih-penagih itu hanya kepada dunia khayalan, bukan kenyataan dan kebenaran. Dadah adalah penghalang daripada ingatkan Allah Subhanahu Wataala dan sekali gus ia juga penghalang kepada ingatkan sembahyang.

Kedua: Kerosakan di segi kesihatan akal.

Dadah memberikan kesan buruk kepada akal dan boleh merosakkan tenaga berfikir dan kecerdasan bertindak. Penagih dadah gagal menggambarkan sesuatu secara sebenarnya, fikiran mereka seolah-olah tenggelam dalam lautan mimpi dan was-was, sehingga melupakan diri sendiri di samping lupa mereka kepada ugama dan tanggungjawab. Dadah juga akan mengakibatkan seseorang itu menghadapi penyakit saraf, serta mengganggu kesihatan mental, fizikal dan semangat. Kesan dari akibat ini, akan menjadikan penagih-penagihnya ditimpa penyakit hilang akal atau tidak siuman dan lemah daya tenaga. Perlu ditegaskan di sini, bahawa kesempurnaan iman itu ada kaitannya dengan kesempurnaan akal. Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang bermaksud: "Tiada sempurna iman seorang yang tidak sempurna akalnya."

Ketiga: Merosakkan jiwa atau nyawa.

Dadah memberikan kesan kepada alat penghazaman makanan, yang mana akan mengakibatkan seseorang itu hilang selera makan, badannya akan menjadi kurus dan kekuatannya menahan penyakit akan menjadi kurang. Dadah juga akan menjadikan muka seseorang itu lesu dan matanya kuyu seperti orang tidur atau orang tidak sedar diri, warna matanya akan merah, perjalanan nafasnya menjadi lambat dan berat, yang mana semua gejala-gejala tersebut membolehkan si penagih akan menjadi gila dan mati dalam usia muda.

Keempat: Merosakkan keturunan dan rumahtangga.

Penagih dadah beranggapan bahawa dadah boleh memberi kepuasan melakukan hubungan jenis, tetapi yang sebenarnya dadah hanya berkeupayaan memberi kepuasan pada kali pertama sahaja dan jika selalu digunakan ianya akan mendatangkan kesan kepada anggota urat saraf yang membawa kepada lembab dan lemah terkulai dan kurang daya kemampuan melakukan hubungan jenis. Lantaran inilah kebanyakan penagih-penagih, rumahtangganya runtuh dan terdapat juga perceraian yang diangkarakan oleh dadah.

Kelima: Menjahanamkan harta.

Dadah menyebabkan pembaziran harta yang dibelanjakan kepada mereka yang tidak mendatangkan faedah. Kerana itu si penagih menjadi papa kedana. Dari wang yang diperlukan untuk membeli dadah, penagih sanggup berbuat apa saja walaupun perbuatannya itu salah di segi undang-undang dan peri kemanusiaan.

Keenam: Menghancurkan masa depan.

Dadah boleh membawa kepada kehancuran diri penagih-penagihnya dan kegelapan masa depan pekerjaannya. Dapat diperhatikan si penagih biasanya tidak akan tenteram dalam satu-satu pekerjaan itu dan ini membuatnya ia akan suka berpindah dari satu pekerjaan kepada satu pekerjaan. Perbuatan seumpama ini akan menyebabkan kehilangan mata pencarian dan akhirnya menjadi penganggur.

Ketujuh: Merosakkan masyarakat dan negara.

Dadah merupakan kuman-kuman penyakit sosial yang menular dengan cepat ke dalam masyarakat khususnya kaum belia. Pembiakan kuman-kuman sosial ini jika tidak dicari ubatnya, ianya sudah tentu akan mengakibatkan sesuatu yang merugikan masyarakat dan negara, serta menghalang pembangunan dan kemajuan. Ketagihan dadah

# *Menuju keredaan Allah*

adalah merupakan suatu wabak yang boleh merosakkan kestabilan masyarakat khususnya di kalangan kaum belia dan sentiasa diharap-harapkan untuk menjadi pemimpin-pemimpin negara di masa depan.

Dari kenyataan-kenyataan tadi dapatlah dibayangkan bahawa sebahagian besar penagih dadah adalah lahir dari kalangan kehidupan yang kurang berdampingan dengan ugama atau mereka yang tidak mempunyai latar belakang didikan ugama yang kuat, baik didikan itu datangnya dari dalam keluarga atau rumahtangga ataupun melalui sekolah.

Bertolak dari sinilah perlu kita merenung sejenak saranan Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam mengenai pendidikan yang berkait rapat dengan pemilihan bakal pasangan hidup supaya selain dari mengutamakan harta kekayaan, nasab keturunan dan kecantikan, perlu juga diambil berat berhubung dengan pendidikan ugama. Lantaran itu penagih dadah sukar didapati di kalangan anak-anak muda atau orang-orang dewasa yang berpendidikan ugama yang kuat imannya dan kuat amal ibadatnya. Kerana pendidikan ugama menjadi

Lihat muka 7

# PENUNTUT-PENUNTUT DISERU KEKALKAN IDENTITI KEBRUNEIAN

PULAU PINANG. — Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam di Malaysia, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif mengingatkan penuntut-penuntut, guru-guru dan pegawai-pegawai Kerajaan negara ini yang sedang menjalani kursus di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, supaya sentiasa mengekalkan identiti keBruneian mereka.

Awang Haji Jaya menjelaskan bahawa mereka hendaklah sentiasa mengamalkan cara hidup yang bersifat keBruneian, tingkah-laku, perbualan dan pergaulan yang beridentiti orang-orang Brunei turun-temurun.

Sehubungan dengan itu, tegas beliau, adalah perlu bagi rakyat negara ini yang sedang menjalani kursus di luar negeri supaya mengekalkan perhubungan baik di antara mereka, serta sentiasa memberikan sokongan kepada Kerajaan negara.

Awang Haji Jaya membuat ingatan demikian dalam Majlis Perjumpaan dan Ramah Mesra dengan penuntut, guru-guru dan pegawai-pegawai Kerajaan yang mengikuti kursus di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang, di salah sebuah hotel di sini baru-baru ini.

Dalam majlis tersebut, penuntut tahun tiga Jurusan Political Science, Awang Aji bin Othman bagi pihak penuntut-penuntut menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai banyak masalah yang dihadapi baik di segi pelajaran dan hal-hal kebajikan lainnya. Sementara itu juga sentiasa memupuk semangat keBruneian di sanubari masing-masing.

Mewakili pegawai-pegawai Kerajaan, Awang Haji Ahim bin Haji Ibrahim, salah seorang pegawai dari Jabatan Penerangan yang sedang menjalani Kursus Dalam Perkhidmatan, 'Kommunikasi Massa' berkata, kursus yang mereka ikuti merupakan sesuatu yang baru yang perlu ditempuh dengan semangat bersungguh-sungguh dan penuh dedikasi.

Lebih 15 orang pegawai-pegawai Kerajaan kini sedang mengikuti kursus Seni Kreatif di Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang. Sementara itu terdapat beberapa orang guru mengikuti kursus intensif selama tiga tahun di RESCAM, yang mana juga disertai oleh guru-guru dari negara Thailand, Indonesia, Filipina, Singapura dan Malaysia.

Dalam perjumpaan singkat itu, mereka telah melahirkan rasa terhutang budi dan berterima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah memberikan kemudahan di segi pelajaran dan kesejahteraan rakyat.

Ini termasuklah pengelingaan dan perhatian terhadap kesejahteraan dan kebajikan penuntut-penuntut di Malaysia oleh Pejabat Suruhanjaya Tinggi Brunei Darussalam di Malaysia.



TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke Malaysia, Awang Haji Jaya bin Abdul Latif, (nombor tiga dari kanan) bergambar ramai di akhir perjumpaan tersebut. (Gambar oleh Noorhamdani).

# Pemilihan calon Penghulu Mukim Bukit Sawat

KUALA BELAIT. — Pemilihan calon bagi Penghulu Mukim Bukit Sawat akan diadakan di Balai Raya Bukit Sawat pada hari Khamis 22 November.

Oleh itu penduduk-penduduk kampung di kawasan mukim tersebut yang berumur 21 tahun ke atas adalah diminta hadir semasa pemilihan tersebut. Mukim Bukit Sawat meliputi dari Kampong Sungai Mau hingga membawa ke Pengkalan Siong dan Kampong Merangking.

Menurut Surat Keliling Pejabat Daerah Belait menyatakan setiap calon untuk jawatan Penghulu ini mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Berumur tidak kurang dari 30 tahun dan tidak lebih daripada 65 tahun dan bermastautin dalam kawasan Mukim Bukit Sawat.

Calon-calon mestilah dipilih dari kalangan Ketua-ketua Kampung yang ada atau dari kalangan orang-orang yang berkelayakan untuk menjadi Penghulu.

Seorang calon juga mestilah mempunyai pengetahuan tentang peraturan-peraturan serta adat resam negara yang dibuat atau diamalkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Seorang calon hendaklah bukan terdiri dari kakitangan Kerajaan atau sebarang syarikat perniagaan dan tidak menjadi ahli dalam sebarang badan siasah.

Borang-borang pendaftaran sebagai calon boleh diperolehi daripada Pejabat Daerah Belait, Kuala Belait pada bila-bila masa waktu bekerja.

# LAWATAN KERJAYA BERAKHIR

PERKHEMAHAN BOLKIAH. — Lawatan Kerjaya ke Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah berakhir dengan kunjungan terakhir oleh rombongan seramai 38 orang penuntut, termasuk enam orang guru pengawas, Pusat Latihan Teknikal Brunei di Jalan Muara.

Projek tahunan di bawah pengendalian bersama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan dan Jabatan Pelajaran dan Kesihatan itu bertujuan bagi mendedahkan hal-ehwal kerjaya tentera kepada penuntut-penuntut sekolah, terutama bagi mereka yang berminat.

Selain itu, Lawatan Kerjaya juga dihasratkan untuk menarik minat lebih ramai belia dan beliawanis menceburkan diri dalam kerjaya ketenteraan melalui pengetahuan yang meluas dalam bidang tersebut.

Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dalam siri Lawatan Kerjayanya tahun ini telah menerima sebanyak 18 rombongan pelawat dari sekolah-sekolah di negara ini, sejak kempen itu bermula Januari lalu. Ianya akan disambung semula tahun depan.

Rombongan dari Pusat Latihan Teknikal yang mengadakan lawatan Khamis lepas telah berpeluang mengunjungi Bahagian Elektronik Bengkel Pasukan di Pusat Latihan di sini, di mana mereka telah di beri penerangan mengenai kerjaya ketenteraan di bahagian tersebut oleh pegawai di Bahagian Perhubungan Sekolah, Lt. Haji Abu Bakar Haji Ibrahim.

Kesempatan juga diberi kepada mereka bagi mengunjungi Muzium Pasukan untuk menyaksikan keperluan dan peralatan ketenteraan yang digunakan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan lain-lain kegunaan. Mereka telah ditemani oleh WO2 Haji Abd Rajab bin Haji Bakar dan S/Sgt Jamaluddin Safar.

Mereka kemudiannya mengadakan lawatan ke Skuadron kedua dan ketiga Tentera Udara di Komplek Squadron Dua dan Tiga, Lapangan Terbang Antarabangsa di Berakas. Lawatan kerjaya diteruskan di sebelah petangnya bagi tinjauan ke markas Batalion Pertama Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Berakas Garrison.

Kunjungan ke Pusat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga dilakukan sehari sebelum itu oleh serombongan pelawat yang mengandungi seramai 29 orang penuntut Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah di Gadong.

# Pegawai Kenderaan Darat ke Temburong

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pengangkutan Darat akan menghantar pegawai-pegawainya ke Daerah Temburong mulai dari 19 hingga 22 November.

Pemilik-pemilik kenderaan darat di daerah tersebut yang ingin membaharui lesen dan menjalani ujian yang telah ditetapkan tarikh masing-masing bolehlah berhubung dengan pegawai berkenaan di Pejabat Daerah Temburong pada waktu bekerja biasa.

Sementara itu, lawatan pegawai-pegawainya ke Daerah Tutong pada tarikh tersebut adalah dibatalkan dan digantikan pada hari Sabtu 24 November.

# Empat pegawai DBP berkursus di K.L.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Empat orang lagi pegawai-pegawai Dewan Bahasa dan Pustaka telah berlepas ke Kuala Lumpur pada Rabu lepas bagi mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan selama satu bulan.

Mereka terdiri daripada Awang Mohd Amin bin BPK Haji Sirat, Pegawai Bahasa akan mengikuti segala urusan dan pentadbiran yang ada hubungan dengan bidang peristilahan dan apa-apa yang perlu dalam urusan pekerjaan Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur dalam hal mengembangkan Bahasa Melayu.

Awang Abdul Hamid bin Abas, Pengarang Kanan akan mengikuti latihan seperti melihat dan mempelajari bagaimana proses penerbitan majalah sejak dari mencari bahan hingga ke peringkat percetakan. Ini temasuk editing, taipongrafi rekabentuk, rekaletak, pruf dan lain-lain.

Pengiran Haji Muhammad bin Pengiran Duraman, Pelukis Tingkatan Khas akan mengikuti latihan dalam bidang senilukis dan rekabentuk, cara organisasi dan penghasilan serta perkara yang berkaitan dengannya.

Manakala Awang Haji Zainal Ariffin bin BPK Haji Sirat, Pegawai Penerbitan akan mengikuti latihan dalam bidang penerbitan buku-buku dan majalah serta bidang pemasaran.



PENGIRAN Haji Muhammad



AWANG Haji Zainal Ariffin



AWANG Hamid Abas

# Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 14 hingga 20 November 1984

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA | |
|---|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 14.11.1984 | Rabu | 10.00–10.30 | pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 14.11.1984 | Rabu | 10.45–11.15 | „ |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 14.11.1984 | Rabu | 11.30–12.00 | t/hari |
| Sekolah Melayu Lumut dan Sekolah Melayu Sungai Liang | 15.11.1984 | Khamis | 10.00–11.00 | pagi |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 15.11.1984 | Khamis | 2.30– 3.30 | petang |
| Sekolah Melayu A. Haji Mohd Yussof Katimahar | 17.11.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 | pagi |
| Penjara Jerudong | 17.11.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 | „ |
| Sekolah Melayu Mulaut | 17.11.1984 | Sabtu | 11.00–12.00 | t/hari |
| Seko!ah Melayu Birau | 17.11.1984 | Sabtu | 1.30– 2.30 | petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 17.11.1984 | Sabtu | 2.45– 3.45 | „ |
| Sekolah Melayu Lamunin | 17.11.1984 | Sabtu | 4.00– 5.00 | „ |
| Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh Sungai Hancing | 19.11.1984 | Isnin | 8.45– 9.45 | pagi |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan | 19.11.1984 | Isnin | 1.45– 2.45 | petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 20.11.1984 | Selasa | 9.15–10.15 | pagi |
| Sekolah Melayu Anggerik Desa, Berakas | 20.11.1984 | Selasa | 10.30–11.30 | „ |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kiulap | 20.11.1984 | Selasa | 2.45– 3.15 | petang |
| Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata, Gadong | 20.11.1984 | Selasa | 3.30– 4.00 | „ |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong. | 20.11.1984 | Selasa | 4.30– 5.30 | „ |

# SISTEM KOMPUTER PENDAFTARAN TANAH

Sukacita dimaklumkan bahawa Sistem Pendaftaran tanah-tanah di Daerah Belait akan menggunakan Komputer untuk membantu kerja-kerja pendaftaran.

Kejayaan sistem ini tidak akan dapat dicapai tanpa kerjasama dan sokongan yang sepenuhnya daripada tuan punya tanah-tanah berkenaan.

Oleh yang demikian nama-nama yang tersebut di bawah ini atau wakil-wakil mereka dijunjung/dipersilakan hadir ke Pejabat Tanah, Kuala Belait atau Pejabat Penaksir Tanah di Bandar Seri Begawan dengan seberapa segera yang boleh pada waktu-waktu Pejabat dibuka dengan membawa Kad Pengenalan dan semua geran-geran tanah yang dimiliki.

| EDR NO. | LOT NO. | NAMA | LETAK TANAH |
|---|---|---|---|
| 3550 | 3660 | Mohd. Zamhari bin Md. Taib | Rampayoh, Labi. |
| 3550 | 3660 | Mohd. Azmi bin Md. Taib | Rampayoh, Labi. |
| 3550 | 3660 | Mohd. Azri bin Md. Taib | Rampayoh, Labi. |
| 3550 | 3660 | Mohd. Asri bin Md. Taib | Rampayoh, Labi. |
| 3550 | 3660 | Norliah bte Md. Taib | Rampayoh, Labi. |
| 3610 | 3717 | Madam Wong Kai Fatt | Lubok Palam, K. Belait. |
| 3722 | 3808 | Goh Juat Wah | China, Kuala Belait. |
| 3772 | 3734 | Chin Yu Choi | Pandan, Kuala Belait. |
| 3814 | 3839 | Chin Lan Yen | Pandan, Kuala Belait. |
| 3815 | 3866 | Liew Moa Chiang | Pandan, Kuala Belait. |
| 3823 | 3862 | Jan Nyuk Moi | Pandan Kuala Belait. |
| 3823 | 3862 | Jan Nyuk Khing | Pandan Kuala Belait. |
| 3831 | 3822 | Hajjah Jama bte Rusli | Pandan, Kuala Belait. |
| 3876 | 3906 | Datin Musnah bte Haji Mohd. Yusof | Pandan, Kuala Belait. |
| 3893 | 3638 | Lim Chui Boh @ Stephen Lim Tiong Boh | Tunggulian, Sg. Liang. |
| 3903 | 3648 | Dk Hana Molina bte Pg Haji Mohamad | Tunggulian, Sg. Liang. |
| 3903 | 3648 | Dk Siti Rahmah bte Pg. Haji Mohammad | Tunggulian, Sg. Liang. |
| 3903 | 3648 | Dk Siti Nirmala bte Pg Haji Mohamad | Tunggulian, Sg. Liang |
| 3903 | 3648 | Dk Kertina bte Pg Haji Mohamad | Tunggulian, Sg. Liang. |
| 3903 | 3648 | Ak Sabarin bin Pg Haji Mohamad | Tunggulian, Sg Liang. |
| 3915 | 3926 | Marhani bte Abd Latif | Gatas, Labi. |
| 3960 | 3953 | Sap Anak Bansa | Sungai Melilas. |
| 3991 | 3685 | Voon Mui Fong | Gana, Sg. Liang. |
| 3992 | 3686 | Lee Siew | Gana Sg. Liang. |
| 4004 | 3668 | Lee Nyang | Gana, Sg. Liang. |
| 4012 | 3989 | Chai Kuan | Kanapol, Labi. |
| 4016 | 3991 | Wong Fook Yee | Pandan, Kuala Belait. |
| 4028 | 3716 | Amat bin Panjang | Tunggulian, Sg. Liang. |
| 4035 | 4015 | Chow Ngen Song | Pandan, Kuala Belait. |
| 4053 | 3732 | Pg Duraman bin Pg. Othman | Sungai Tali, Seria. |
| 4090 | 3746 | Dy. Hjh Nahriah bte Mohd Daud | Sungai Liang. |
| 4090 | 3746 | Dyg. Naimah bte Mohd. Daud. | Sungai Liang. |
| 4103 | 4075 | Han Poh Juan (Han Ming Che) | Pandan, Kuala Belait. |
| 4108 | 4094 | Mohamad bin Awg. Taha | Pandan, Kuala Belait. |
| 4112 | 3753 | Basrih bin Darudin @ Basri bin Darudin | Sungai Liang Kecil. |
| 4114 | 4092 | Bariah bte Bakri | Mumong, Kuala Belait. |
| 4128 | 4997 | Chong Yin | Kuala Belait. |
| 4139 | 4100 | Liew Moo Chiang | Pandan, Kuala Belait. |
| 4156 | 3766 | Awang Yusop bin Metassim | Sungai Tali, Seria. |
| 4183 | 4123 | Lim Chai Tee | Pandan, Kuala Belait. |
| 4186 | 4126 | Lai Joon Kang | Kuala Belait. |
| 4192 | 4132 | Nafsiah bte Hassan | Mumong, Kuala Belait. |
| 4203 | 4165 | Ukok bte Bada | Terunan, Labi. |
| 4207 | 4169 | Jumat bin Hj. Garip | Mile 1, Jalan K. Belait/Seria, Kuala Belait. |
| 4208 | 4161 | Liew Moo Chiang | Pandan, Kuala Belait. |
| 4230 | 4149 | Wong Kam Siew | Mumong, Kuala Belait. |
| 4272 | 4173 | Siah bte Ibnu | Pandan, Kuala Belait. |
| 4298 | 4191 | Hui Lak Kiang | Mumong, Kuala Belait. |
| 4312 | 4142 | Fan Tuck Leong | Pandan, Kuala Belait. |
| 4316 | 3821 | Lim Saniah | Gana, Sungai Liang. |
| 4340 | 4257 | Hashim bin Tarip | Pandan, Kuala Belait. |
| 4348 | 4249 | Sofia bte Abdullah | Pandan, Kuala Belait. |
| 4356 | 4172 | Dk Meah bte Pg Mohd | Pandan Kuala Belait. |
| 4414 | 4288 | Susie Tan Soh Chu | Pandan Kuala Belait. |
| 4417 | 4297 | Leong Nyuk Yee | Kuala Belait. |
| 4448 | 4314 | Yap Fook Lai | Kuala Belait. |
| 4448 | 4314 | Yap Fook Chai | Kuala Belait. |
| 4448 | 4314 | Yap Fook Foh | Kuala Belait. |
| 4448 | 4314 | Yap Fook Fah | Kuala Belait. |
| 4448 | 4314 | Yap Fook Yin | Kuala Belait. |
| 4459 | 4347 | Chai Yun Heng | Mumong, Kuala Belait. |
| 4460 | 4362 | Joseph Lee @ Lee Fatt Thiam | Pandan, Kuala Belait. |
| 4501 | 3827 | Masnah bte Adi | Lumut, Liang. |
| 4509 | 3614 | George Siah Kim Seng | Keluyoh, Sungai Liang. |
| 4526 | 3836 | Mohamad Noor bin Sulaiman | Sungai Tali, Seria. |
| 4542 | 4457 | Yang Shang Hee | Pandan, Kuala Belait. |
| 4549 | 4473 | Wong Kon Cheah @ Mrs. Chew Ah Hang | Pandan, Kuala Belait. |
| 4608 | 4515 | Wong Ah Chin @ Wong Ah Sing | Pandan, Kuala Belait. |
| 4676 | 4546 | Hidup bin Johar | Pandan, Kuala Belait. |
| 4677 | 4547 | Pg. Damit bin Pg. Metusin | Pandan, Kuala Belait. |
| 4709 | 3849 | Johari bin Latif | Lumut Liang. |
| 4726 | 4589 | Low Siew Choo | Pandan, Kuala Belait. |
| 4773 | 3875 | Nafsiah bte Awang Safar | Lumut, Liang. |
| 4806 | 3885 | Charlie Foo Chee Tung | Gana, Sungai Liang. |
| 4807 | 4657 | Lin Shui Lan | Mumong, Kuala Belait. |
| 4818 | 4650 | Chan Swee Lan | Mumong, Kuala Belait. |
| 4841 | 4675 | Mohd. Freddie Chong | Pandan, Kuala Belait. |
| 4868 | 4712 | Abdul Rahman bin Haji Md. Jaafar | Pandan, Kuala Belait. |
| 4904 | 4749 | Soo Siew Lian | Pandan, Kuala Belait. |
| 4922 | 4780 | Chong Chiang Ye @ Chung Siang Yuk | Pandan, Kuala Belait. |
| 4963 | 4807 | Chiang Kui Siew @ Monica | Mumong, Kuala Belait. |
| 4977 | 4816 | Aris bin Dolah | Turunan, Labi. |
| 4981 | 4835 | Rakiah bte Haji Manap @ Rokiah bte Haji Manaf | Mumong, Kuala Belait. |
| 4996 | 4851 | Jija bte Abdullah @ Leong Kui Moi | Mumong, Kuala Belait. |
| 5033 | 4877 | Aisah binti Ismail | Mumong, Kuala Belait. |
| 5072 | 4923 | Mrs. Chu Shing Fatt | Pandan, Kuala Belait. |
| 5073 | 4941 | Sally Kok Siew Chin | Mumong, Kuala Belait. |
| 5181 | 3958 | Hajjah Sindun bte Haji Wahid | Sungai Tali, Seria. |
| 5181 | 3958 | Zaini bin Yusof | Sungai Tali, Seria. |
| 5219 | 3966 | Ak Matussin bin Pg Ibrahim | Sungai Lumut, Liang. |
| 5236 | 3971 | Haji Abd Latif bin Tarsat | Sungai Tali, Seria. |
| 5237 | 5038 | Ambi Anak Udon | Mendaram, Labi. |
| 5241 | 3973 | Ahmad bin Bujang | Sungai Bakong, Lumut. |
| 5258 | 3974 | Jeneh bin Aji | Sungai Bakong, Lumut. |
| 5293 | 5089 | Abdul Latif bin Mohamad Taib | Mumong, Kuala Belait. |
| 5300 | 4024 | Allias bin Marsit | Lumut, Liang. |
| 5312 | 5096 | Nurfah bte Sudin | Gatas, Labi. |
| 5339 | 5122 | Mak Soo Hin | Mumong, Kuala Belait. |
| 5347 | 5117 | Abu Bakar bin Sulaiman | Pandan, Kuala Belait. |
| 5351 | 5123 | Chiang Sung Koon | Pandan, Kuala Belait. |
| 5352 | 5124 | Teo Sang Liang | Pandan, Kuala Belait. |
| 5359 | 3395 | Dy Halimah bte Husain | Tunggulian, Liang. |
| 5372 | 4031 | Yee Chan | Sungai Liang. |
| 5357 | 5114 | Hamdi bin Kilat | Pangkalan Siong Bukit Sawat. |
| 5401 | 4063 | Radzuan bin Abdullah @ Valentine Low Lim Poh | Sungai Tali, Seria. |
| 5416 | 4066 | Pg Said bin Pg Shahbudin | Sungai Tali, Seria. |
| 5435 | 5173 | Hong Kin Leong | Mumong, Kuala Belait. |
| 5443 | 4070 | Nordin bin Haji Mohd Isa | Lumut, Liang. |
| 5509 | 5221 | Dayang bte Ahmad | Mumong, Kuala Belait. |
| 5513 | 5163 | Sibok bin Payong | Buau, Sukang. |
| 5529 | 4100 | Md Hussin bin Hassan | Sungai Tali, Seria. |
| 5553 | 5164 | Linggang Ak Ngadan | Bukit Tuding. |
| 5562 | 4116 | Mustafa bin Haji Metussin | Lumut, Liang. |
| 5564 | 4134 | Hong Chiew Siang | Sungai Taring, Seria. |
| 5574 | 4130 | Dy Siti Hajijah bte Nawi @ Azizah | Sungai Tali, Seria. |
| 5595 | 4140 | Hong Kin Leong | Tunggulian, Sg. Liang. |
| 5603 | 4159 | Tan Tui Hah | Lumut, Liang. |
| 5645 | 5291 | Ivan Leong On Khong | Pandan, Kuala Belait. |
| 5681 | 5303 | Idris bin Bandong @ Sulaiman bin Bandong | Kenapol, Labi. |
| 5686 | 5322 | Chin Nyuk | Pandan Kuala Belait. |
| 5691 | 5258 | Ali bin Omar | Pandan, Kuala Belait. |
| 5702 | 5313 | Ng. Teck Kwang | Pandan, Kuala Belait. |
| 5708 | 5330 | Wong Kam Siew | Mumong, Kuala Belait. |
| 5710 | 4196 | Madani bin Awang Daud | Lumut, Liang. |
| 5735 | 4214 | Oei Ming Thung @ Wong Ming Tung | Tunggulian, Liang. |
| 5743 | 4212 | Haji Wahab bin Matali | Sungai Tali, Seria. |
| 5749 | 4179 | Aw Jack Eng | Lumut, Liang. |
| 5755 | 4985 | Oii Hoon Chyang | Pandan, Kuala Belait. |
| 5774 | 4223 | Disa bte Haji Wahid | Sungai Tali, Seria. |
| 5777 | 3331 | Simpul bin Duraman @ Said | Anduki, Seria. |
| 5797 | 4258 | Dayang Rosina bte Munir | Sungai Bakong, Lumut. |
| 5789 | 5343 | Chong Je Haw | Pandan, Kuala Belait. |
| 5791 | 4252 | Norlia bte Haji Yussop | Sungai Bakong, Lumut. |
| 5795 | 4256 | Jaman bin Ali | Sungai Bakong, Lumut. |
| 5813 | 4237 | Yassim bin Daud | Sungai Tali, Seria. |
| 5815 | 4249 | Lakar bin Bungsu | Sungai Tali, Seria. |
| 5818 | 4242 | Malan bin Ahmad | Sungai Tali, Seria. |
| 5819 | 4243 | Haji Wahid bin Daud | Sungai Tali, Seria. |
| 5838 | 3447 | Ahmad bin Yusof | Tunggulian, Sg. Liang. |
| 5842 | 4246 | Pengiran Haji Puteh bin Pg. Tengah | Lumut, Liang. |
| 5849 | 4276 | Hajjah Hajijah bte Abd Wahab | Sungai Lumut, Liang. |
| 5882 | 4297 | Rah bte Salleh @ Siti Rafiah | Sungai Tali, Seria. |
| 5886 | 4279 | Abdullah bin Serudin | Lumut, Liang. |
| 5887 | 4280 | Saini bin Abdullah | Lumut Liang. |
| 5888 | 4281 | Abdul Adzeem bin Mohd Yassin | Lumut, Liang. |
| 5890 | 4283 | Saunah bte Haji Ladis | Lumut, Liang. |
| 5893 | 4296 | Md. Yusof bin Abdul Hamid | Lumut, Liang. |
| 5909 | 5397 | Rahman bte Haji Md Daud | Pandan, Kuala Belait. |
| 5921 | 3706 | Jijah bte Kamis | Sungai Teraban, Kuala Belait. |
| 5922 | 5389 | Halimah bte Adam | Sungai Teraban, Kuala Belait. |
| 5927 | 5250 | Shim Kuin Fong | Pandan, Kuala Belait. |
| 5937 | 5405 | Dy Salihah bte Awang Haji Ahmad | Pandan, Kuala Belait. |
| 5946 | 4310 | Salmah bte Ahmad | Sungai Tali, Seria. |
| 5955 | 4340 | Law Guan Lai | Lumut, Liang. |
| 5964 | 4316 | Ramunah bte Liasan @ Saudah bte Matyassin | Tunggulian, Sg. Liang. |

## Dadah pemusnah kehidupan

Dari muka 5

benteng utama dalam perkara-perkara yang bertentangan dengan adab sopan dan naluri manusia umpamanya dalam soal dadah. Maka dalam usaha membenteras segala gejala yang keji itu, pendidikan ugama mestilah diutamakan bagi anak-anak, tidak kira melalui apa jua aliran pelajaran kiranya kita inginkan anak-anak itu kelak menjadi manusia yang berguna dan bertanggungjawab kepada ugama, bangsa dan negara.

Untuk membasmi penyakit dadah ini, kepada mereka yang telah terlibat, kita sebagai ahli masyarakat yang waras dan sihat hendaklah terus-menerus memberikan kerjasama dengan memberikan segala maklumat yang boleh menolong pihak-pihak berwajib membuat segala tindakan berkesan sama ada kepada pengedarnya ataupun penagihnya. Inilah saja cara yang boleh dilakukan selain dari kerjasama dalam perkara amalan rohaniah.

Akhirnya sama-samalah kita ingat-mengingati di antara satu sama lain untuk terus menegakkan kebenaran dan menghapuskan keburukan dan kemungkaran di negara yang berterasulkan Darussalam ini.



# ISTIADA

**Dari muka 1**

Pengarah Haji Othman, 42 tahun adalah lulusan dari Kolej Islam Malaya 1967, dan memperolehi Ijazah M.A (Dasar Perundangan Islam) daripada Universiti Kaherah. Pengajiannya meliputi teori Islam dalam sistem pemerintahan dan kerajaan; Undang-undang dan ekonomi berbanding dengan sistem lain.

Pada tahun 1971 hingga ke tahun 1976, Yang Dimuliakan Pehin menjawat jawatan Pegawai Ugama di Jabatan Hal Ehwal Ugama, dan di tahun berikutannya pula menjawat jawatan Penguasa Dakwah dan Tabligh di jabatan yang sama.

Kemudian dalam tahun 1979, Yang Dimuliakan Pehin ditukar ke Jabatan Setiausaha Kerajaan bagi menjawat jawatan Ketua Pegawai Penerangan dan tiga tahun kemudiannya dilantik menjadi Pengarah Penerangan.

Di samping itu Yang Dimuliakan Pehin adalah Ahli Majlis Ugama Islam Brunei sejak tahun 1979 serta juga Ahli Majlis Lembaga Bandaran dari tahun 1980 hinggalah sekarang.

Selain dari itu Yang Dimuliakan Pehin juga bergiat cergas dalam berbagai-bagai lapangan pertubuhan dan kebajikan serta aktif dalam bidang penulisan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam (atas) dan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien (kiri) berangkat dari Lapau setelah selesai Istiadat Mengurniakan Gelaran dan Pengisytiharan Kenaikan Gelaran.



Gambar kanan Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin junjung ziarah kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien selepas Istiadat Mengurniakan Gelaran tersebut.





ROMBONGAN Yang Dimuliakan Pehin-Pehin Manteri yang diketuai oleh YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Mohd Salleh, yang dititahkan untuk 'mengambil' Yang Mulia Ustaz Awang Haji Badaruddin di kediamannya di Kampong Sungai Besar untuk Istiadat Menjunjung Kurnia Gelaran (atas). Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Aziz menapakkan gangsa sirih ke bahu Y.M. Ustaz Awang Haji Badaruddin (kanan).

Gambar nombor dua dari kanan: Mudim Awang Haji Mustapa sedang membaca Ciri Gelaran bagi Istiadat Mengurniakan Gelaran Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib kepada Y.M. Ustaz Awang Haji Badaruddin. Sementara gambar paling kanan kelihatan Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Awang Haji Badaruddin dengan diiringi oleh YDM Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Dato Paduka Awang Haji Mohd Salleh beredar dari Lapau setelah Istiadat tersebut.

# MENGURNIAKAN GELARAN







... Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya junjung ziarah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (kiri) ...bar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengurniakan Ciri kepada Yang Dimuliakan Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia ...Haji Abdul Aziz.

...: Sebahagian dari Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria yang berangkat ke Istiadat tersebut.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam bersemayam di Pataratna Lapau semasa Istiadat Mengurniakan Gelaran dan Pengisytiharan Kenaikan Pangkat Gelaran.





...A
...'
...AME

...an keluarga
...rga menarik
...i zaman mo-
...ahun mereka
...ari lombong-
...ka hingga ke
...; dari "stately
... hingga ke
...bedrooms" di
...mereka? Ada-
...asti yang me-
...asty?
...PECTED :
...ft"

...NIN
...MBER

...N MARI KITA

...CANGAN

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ARCHIES FUNNIES
5.00 WORLD OF SURVIVAL : "A Humble Bee"
5.30 JOHAN AND PEEWIT (Siri baru)
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA : "Artificial Heart" NOVA meninjau risiko, harga dan kontroversi mengenai usaha mencipta jantung palsu.
6.08 AZAN MAGHRIB
6.18 NOVA — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY : "The Huntress"
7.23 AZAN ISYAK
7.27 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.20 RUMPUN BUDAYA : "Puak Melayu Belait"
9.50 THE YELLOW ROSE : "Debt of Honour"
10.50 TAYANGAN GAMBAR : "Through Days And Months"
12.20 SIARAN TAMAT.

# rtb/Intisari minggu ini

*Radio minggu ini:*

## CERPEN DAN SALUKAN

JIKA diukur penilaiannya dalam jangka usia 27 tahun itu maka sudah barang setentu sesusia dalam peringkat itu mengalami alam kedewasaan yang benar-benar matang dan boleh diharapkan untuk berjasa dalam apa juga bidang yang diceburi. Tidak terkecuali radio dalam mengharungi peringkat kedewasaan ini.

Dalam memantuni perkembangan radio yang mencapai ke tahap itu, maka ruangan Cerpen dan Salukan dalam rancangan putaran mingguan radio ini adalah tidak ketinggalan mengambil tempatnya.

Boleh dikatakan macam-macam bentuk atau stail penulisan yang ditulis oleh penulis-penulis peribumi kita sendiri, kalau dikirakan rata-rata 98% adalah penulis-penulis tempatan kita.

Tinggal lagi untuk mengetengahkan siapakah hero atau heroin dalam ertikata penulisan cerpen ini khususnya, dan bentuk kreatif lain umumnya tidaklah dapat diukur ke paras yang sedemikian. Sebab dalam dunia sastera kreatif tidak ada yang boleh dikatakan seseorang penulis itu hero ataupun heroin dalam sesuatu bidang penulisan seumpama ini, meskipun seseorang itu menampilkan dirinya dengan menghasilkan puluhan cerpen, ratusan cerpen atau sebaliknya dalam mana-mana penyiaran pun, belum dapat kita katakan ianya sebagai hero atau heroin dalam bidang penulisan yang penulis itu ceburi sendiri. Perhatikanlah, kenapa?.

Dalam kategori yang lain, penulis yang baru hendak berjinak-jinak dalam penulisan cerpen untuk siaran radio ini adalah amat perlu memahami media tempat penyaluran idea mereka itu.

Untuk cerpen radio perlu membuat batasan-batasan yang tertentu, umpamanya panjang cerpen yang mahu dibuat, anggaran berapa muka surat yang selayaknya diterima untuk siaran dan tema yang bagaimana mahu dicoretkan. Inilah langkah pertama yang setiap penulis harus tahu dan faham untuk benar-benar menceburkan diri dalam arena ini. Bukan mahu tulis ikut sesedap rasa dan kehendak idea kita tanpa memikirkan media penyaluran itu sendiri. Inilah kesilapan dari sebahagian penulis yang cuba berjinak-jinak dalam penulisan Cerpen dan Salukan untuk radio ini.

Dalam bidang salukan, kita kerap memperkatakan dan cuba mengketengahkan bakat-bakat penulis umpamanya di mana kejayaan, di mana kelemahan. di mana kekurangan dan lain-lain yang mungkin terdapat dalam setiap penulisan cerpen-cerpen yang dikeudarakan oleh radio itu, dan penyaluk cuba mengutarakan mana-mana perkara pokok yang difikirkan patut dan selayaknya diperkatakan untuk dipertimbangkan. Jika berjaya akan diperkatakan berjaya atau sebaliknya, dan ianya akan dapat dijadikan panduan oleh penulis itu sendiri.

Dengan jalan ini sudah pasti akan dapat menghubungkan jalan dua hala yang lebih erat dan mesra antara alam penulisan dan penyaluk itu sendiri.

Inilah yang diharapkan oleh radio dalam mempertingkatkan lagi mutu penulisan Cerpen dan Salukan sampai bila-bila.



LAGU Apa Kucari dendangan Sofie S merupakan salah satu di antara tujuh buah lagu yang mana menjadi pilihan peserta bagi rancangan Dari Pendengar Untuk Pendengar bagi keluarannya minggu ini.

Peserta yang dimaksudkan ialah Dayang Fickri Nurzainah binti Haji Muhamat beralamat 155'F' Jalan Satok, Kuching, Sarawak. Dayang Fickri akan bersama awda semua pada hari Selasa 20 November jam 4.00 petang.

### Resipi Minggu Ini:

## LAKSA MEE HOON

**Disiarkan pada 17 Nov. jam 9.05 malam**

**Bahan-bahannya :**

1 bungkus mee hoon (dicelur dan ditoskan)
½ kati ikan bilis (direbus ambil airnya)
1 kati udang hidup (direbus ambil airnya)
2 kati kerang dicelur (untuk tabur)
5 keping tauhu yang bergoreng, dipotong empat
10 biji bola ikan
½ biji kelapa dengan ½ pain air
20 tangkai lada kering (digiling halus)
5 biji bawang merah (ditumbuk halus)
2 ulas bawang putih (ditumbuk halus)
sedikit belacan
½ cawan minyak makan
1 ikat daun bawang
1 ikat daun sup
20 biji bawang merah untuk digoreng
½ kati taugeh sedikit garam dan serbuk perasa.

**Cara Membuatnya :**

Ikan bilis yang direbus digiling halus, masukkan bawang yang sudah ditumbuk halus dan masukkan juga lada yang digiling tadi berserta sedikit belacan ke dalam minyak yang dipanaskan. Selepas itu masaklah sampai garing. Kemudian masukkan ikan bilis yang digiling tadi, dituruti dengan memasukkan air-air rebusan tadi berserta dengan santan, bola ikan, garam, serbuk perasa, masak hingga naik minyak. Kemudian barulah masukkan tauhu yang bergoreng tadi, dan rasa garamnya sebelum diangkat.

**Cara Menghidangkannya :**

Sediakan mee hoon di dalam mangkuk, dan taburkan/susun udang rebus di atasnya, serta kerang, taugeh, daun sup, bawang goreng dan lada hidup. Apabila hendak dimakan barulah dituangkan kuah ke atas adunan tadi. Sekian selamat mencuba.



TAMU Radio: Peminat Tetamu Radio keluaran minggu akan berpeluang mengikuti temubual Jamilah Abduullah gan recording artis dari negara kita Affendy Agus, siaran- akan dapat di ikuti pada hari Ahad jam 5.00 petang.

### Sandiwara radio:

## *"APA DIRAJUK PADA YANG SAYANG"*

SANDIWARA Radio untuk keluarannya minggu ini berjudul "APA DIRAJUK PADA YANG SAYANG," tulisan Latipah, Brunei.

Penulis mengisahkan tentang sebuah rumahtangga yang hampir runtuh hanya disebabkan oleh persoalan kecil. Nisah, isteri kepada Ramlan lekas benar menaruh syak wasangka dan cemburu terhadap suaminya. Disebabkan itulah ia sering pulang ke kampung dan tinggal bersama kedua orang tuanya, walaupun tanpa kebenaran yang pasti dari suaminya.

Di saat-saat awal perkahwinan mereka, Ramlan memang tidak keberatan melayani tingkahlaku isterinya itu. Tetapi apabila sudah tujuh tahun mereka hidup bersama dan sifatnya masih belum berubah juga, Ramlan mulai merasa bosan sehinggakan terkeluar perkataan sumpah dari mulutnya untuk tidak menjemput Nisah kembali ke rumah mereka.

Nisah yang sejak sekian lama seperti digantung tidak bertali sebenarnya masih setia terhadap suaminya. Cuma ia agak terasa berat untuk menyerahkan dirinya semula dan berharap suaminya akan datang menjemputnya seperti lazimnya. Harapan itu semakin menebal, lebih-lebih lagi bila anak mereka Mona sudah mulai pandai menanyakan tentang ayahnya. Tanpa berfikir panjang, Nisah terus menjelaskan yang ayah Mona sudah mati setelah menemui kemalangan di jalan raya.

Ibu Nisah pula setentunya tidak senang melihat keadaan anaknya yang terumbang-ambing itu. Ia lebih suka jika anaknya diceraikan dan mendapat jodoh yang lain. Walaupun sudah berkali-kali ia menghasut Nisah, ia tetap berkeras dengan pendiriannya.

Seperti kerak nasi, walaupun keras jika direndam akan lembut juga akhirnya. Setelah lama mendiamkan diri, akhirnya Nisah pergi juga ke bandar bersama Mona bertujuan untuk menemui Ramlan. Ia ternyata tidak gagal untuk menemui suaminya. Tapi malangnya suaminya didapatinya bersama seorang wanita yang tidak dikenalinya.

Siapakah wanita itu? Apakah reaksi Nisah setelah melihatnya dengan matanya sendiri? Bagaimana pula kesudahan hubungan mereka sebagai suami isteri? Untuk mengikuti keputusan dari sandiwara ini, silalah ikuti siarannya pada 18 November, 1984 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Saloma Haji Mahmud.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 14 NOVEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FRAGGLE ROCK
4.55 DIFF'RENT STROKES
5.20 TEETIME AND CLAUDIA
5.30 SUPERFRIENDS: "Sinbad And The Space Pirates"
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.07 AZAN MAGHRIB
6.17 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 HART TO HART: "Highland Fling" Percutian Jonathan dan Jennifer di Scottish Highland Games telah diancam dengan bahaya apabila Jennifer telah menjadi sasaran seorang lelaki yang mencabarnya untuk mengetuai satu keturunan kaum.
7.22 AZAN ISYAK
7.26 HART TO HART — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MAGGIE BRIGGS: "Maggie's Theatre Review"
9.35 THE MISSISSIPPI: "G.I. Blues"
10.15 TAYANGAN GAMBAR: "To Race The Wind" Seorang muda yang buta berazam menghadapi hidup seperti orang biasa sambil menuntut di Harvard Law School. Pelakon-pelakon: Steve Guttenberg, Randy Quard, Mark Taylor, dan lain-lain.
11.45 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 15 NOVEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 FAT ALBERT AND THE COSBY KIDS
6.00 BERITA AWAL
6.05 AGAINST THE ODDS — sambungan
6.07 AZAN MAGHRIB
6.17 AGAINST THE ODDS — sambungan
6.30 WONDERS OF THE WORLD: "Incongo Poison of The Pygmies"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 TRAUMA CENTER: "No More Heroes"
7.22 AZAN ISYAK
7.26 TRAUMA CENTER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 HIDAYAT
9.05 DUNIA MINGGU INI
9.35 HAWAII FIVE O: "A Bird In The Hand"
10.35 MAN ABOUT THE HOUSE: "I Won't Dance, Don't Ask Me" Firma Chrissy hendak mengadakan majlis tari-menari untuk kakitangannya. Robinlah yang dianggap paling sesuai untuk menemaninya.... tetapi Robin tidak pandai menari. Untung juga Mrs. Roper sanggup melatihnya!
11.30 POT BLACK 1983
12.20 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 16 NOVEMBER

TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.13 SUSUNAN RANCANGAN
12.25 CERAMAH UGAMA
12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN

PETANG

1.25 SPORTS: Tennis with Mark Cox — "The Service" "Squash Racquet -Attacking And Defensive Shoots"
1.45 ANIMAL IN ACTION: "Pockets And Pounches"
2.10 THE YEARLING: "Taking Flight"
2.30 HE-MAN MASTERS OF UNIVERSE
3.00 RUBIK: THE AMAZING CUBE: "Rubic In Wonderland"
3.25 WEBSTER
3.30 AZAN ASAR
3.34 WEBSTER — sambungan
4.00 MILLER'S COURT
4.30 AGRICULTURE 2000
4.55 SCIENCE WORKSHOP
5.15 EXPEDITION DANGER
5.45 TOWARDS 2000
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 200 — sambungan
6.08 AZAN MAGHRIB
6.18 TOWARDS 2000 — sambungan
6.30 TEKA TEPAT

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 'V' SERIES
7.23 AZAN ISYAK
7.27 'V' SERIES — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 DRAMA (SBC): Sepanjang Jalan: "Yang Mana Satu"
9.45 KNOTS LANDING: "Denials"
10.45 NEWHART: "Mrs. Newton's Body Lies A Smoulderin' In The Grave"
11.15 MIKE HAMMER: "Perfect Twenty"
12.15 PAUL ANKA "Dianne Warwick"
12.45 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 17 NOVEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
5.30 MARINE BOY: "Danger In The Depths"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WILD AUSTRALIA: "Beyond The Dune" Pakar burung Dr. Douglas Dorward dan pelukis John Olsen mendapati banyak jenis burung yang berteduh di perairan Australia Selatan.
6.08 AZAN MAGHRIB
6.18 WILD AUSTRALIA — sambungan
6.31 DOMESTIC LIFE: "Harold At Bat"

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 KNIGHT RIDER: "Diamond Aren't A Girl's Best Friend" Apabila seorang pragawati didapati mati seorang kawannya meminta pertolongan Michael untuk membuktikan bahawa kematiannya bukan membunuh diri. Penyiasatan membawa Michael ke jurang dunia intan permata, bank dan intrig antarabangsa.
7.23 AZAN ISYAK
7.27 KNIGHT RIDER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK: "Laksa Mee Hoon" Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
9.35 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: Pendikar Liar
11.05 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "To Sir With Love" Seorang jurutera menjadi guru kepada sekumpulan penuntut-penuntut nakal. Kerana pimpinannya mereka bukan saja menukar kelakuan malahan dapat menyemai perasaan hormat menghormati di antara mereka. Pelakon-pelakon: Sidney Poitier, Judy Geeson, Christian Roberts, dll.
12.35 SIARAN TAMAT.



RUMPUN BUDAYA sebuah lagi rancangan TV yang dimuatkan dengan persembahan-persembahan budaya puak-puak di Negara Brunei Darussalam. Dalam rancangan pertama akan dimuatkan dengan persembahan dari Puak Melayu Belait yang telah dirakam di Taman Muhibah, Kuala Belait. Siarannya pada 20 November jam 9.20 malam.

## HARI AHAD 18 NOVEMBER

PETANG

2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.13 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 MATCH OF THE DAY
3.05 PINK PANTHER INSPECTOR
3.30 AZAN ASAR
3.34 JEFFERSONS
4.05 FANTASY ISLAND
4.50 ECONOMIC MADE EASY (Ulangan)
5.05 HONDO: "The Death Drive"
6.00 BERITA AWAL
6.05 BRITANNICA PHENOMENAL WORLD: "Our Living Shield"
6.08 AZAN MAGHRIB
6.18 BRITANNICA PHENOMENAL WORLD — sambungan
6.30 BENSON

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SIMON AND SIMON: "The Wrong Stuff"
7.23 AZAN ISYAK
7.27 SIMON AND SIMON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI DEWAN RAYA
9.20 CONDO: "The Dog"
9.50 MASTER OF THE GAME (Siri baru) Kita berkenalan dengan keluarga Blackwell; satu keluarga menarik yang pernah dicipta di zaman moden ini. Kisah 100 tahun mereka yang lalu adalah dari lombong-lombong intan di Afrika hingga ke "Art Salons" di Paris; dari "stately homes" di England hingga ke "boardrooms and bedrooms" di Amerika. Siapakah mereka? Adakah mereka satu dinasti yang menandingi dinasti Dynasty?
10.40 TALES OF UNEXPECTED: "The Way To Do It"
11.10 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 19 NOVEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 DUKES OF HAZZARD: "The Dukes of Scotland"
5.00 SMURFS
6.00 BERITA AWAL
6.05 TEKA TEPAT
6.08 AZAN MAGHRIB
6.18 TEKA TEPAT — sambungan
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

7.15 BARE ESSENCE: Perkahwinan dan pembunuhan menyelubungi perkahwinan antara Ava dan Hadden; teka teki pembunuhan ke atas seorang pragawati mula menimbulkan bayangan. Kehadiran Muffin di satu pembunuhan di Paris terbongkar dan Niko cedera parah setelah dipercayai dilanggar dengan senghaja oleh seorang pemandu yang dapat melarikan diri.
7.23 AZAN ISYAK
7.27 BARE ESSENCE — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 LIPUTAN NASIONAL
9.05 MARI MEMASAK: "Kek Sinar Matahari" Risipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
9.30 JOURNEY INTO INDIA: "Kipling's India"
10.20 MYSTIC WARRIOR Bhg. 5
11.10 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 20 NOVEMBER

PETANG

4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 ARCHIES FUNNIES
5.00 WORLD OF SURVIVAL: "A Humble Bee"
5.30 JOHAN AND PEEWIT (Siri baru)
6.00 BERITA AWAL
6.05 NOVA: "Artificial Heart" NOVA meninjau risiko, harga dan kontroversi mengenai usaha mencipta jantung palsu.
6.08 AZAN MAGHRIB
6.18 NOVA — sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE FALL GUY: "The Huntress"
7.23 AZAN ISYAK
7.27 THE FALL GUY — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 ARENA SUKAN
9.20 RUMPUN BUDAYA: "Puak Melayu Belait"
9.50 THE YELLOW ROSE: "Debt of Honour"
10.50 TAYANGAN GAMBAR: "Through Days And Months"
12.20 SIARAN TAMAT.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00– 6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.25 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 14 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

**PETANG:** 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 —Penyanyi Minggu Ini, 3.15—Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Hiburan Petang, 4.30 — Bangsawan Di Udara (Seri Rama siri ke-12), 5.00 — Rampai Petang, 5.15 — Sudut Pelita (SU), 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.15 — Pertandingan Asirama Peringkat Suku Akhir '84 siri ke-5.

## HARI KHAMIS 15 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00 — Sains dan Perusahaan (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30—Permintaan Sukaramai.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih.

**PETANG:** 2.00 — Tetamu Minggu Ini (SU), 2.30 — Hiburan, 3.15 — Hiburan Petang, 3.25—Majalah Ugama, 4.00—Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 16 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Nada Pedoman, 10.15—Soa'an Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU), 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

**TENGAH HARI:** 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

**PETANG:** 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.25 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Hiburan Petang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

**MALAM:** 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Maja'ah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

## HARI SABTU 17 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 2.00—Permintaan Hujung Minggu.

**PETANG:** 3.15 — Hiburan Petang, 3.25 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 5.45 — Kuliah Ugama.

**MALAM:** 7.00 — Tinjauan (SU), 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 18 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Hiburan Pagi Minggu, 10.15 — Majalah Perdana, 11.00 — Sandiwara Radio, 12.00 — Tahniah dan Ucap Selamat.

**TENGAH HARI:** 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

**PETANG:** 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 —Hiburan Petang, 3.15 — Maja'ah Sukan, 3.45 —Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih (SU), 5.00 —Tetamu Radio, 5.45—Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.15—Selingan Irama, 8.30 — Suara Perajurit (SU), 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 19 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 —Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Denganku, 10.30 — Sains Dan Perusahaan, 11.00 — Sukma Ria.

**TENGAH HARI:** 1.30—Permintaan Hari Isnin.

**PETANG:** 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.15 — Ruangan Katani, 5.45 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

**MALAM:** 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Lagu-lagu Selingan (SU), 8.30—Kuliah Ugama (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 20 NOVEMBER

**PAGI:** 9.00 — Suara Perajurit, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.00 — Untuk Awda, 11.30 — Panduan Wanita (SU).

**TENGAH HARI:** 1.30—Kusampaikan Salam.

**PETANG:** 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Hiburan Petang, 3.25 — Sukma Ria, 4.00—Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45—Senandung Senja. Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Ruangan Katani (SU), 7.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30—Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

**P.M.**

8.00 Hello Tomorrow
8.30 A Unity of Voives: A New Zealand View of The Asia-Pacific Broadcasting Union on the occasion of the 20th Anniversary of its incaption.
9.30 Ta'king About Music — 290.

### Thursday

**P.M.**

8.00 International Money Programme
8.15 Sixties Minute Theatre: "Navigator in the Seventh Circle" by Leonard Maguire
9.30 Sarah Vaughn In Concert (side 3 of3)

### Fridays/Holidays

**A.M.**

11.00 Fifteen Minute Theatre: "Over And Done With" by Julia Jones.
11.15 Light Music From The Netherlands — 631.
11.30 Children's Half Hour

**NOON**

12.00 19th Cambridge Folk Festival: Cosmotheka — 10/12.
12.45 My Music — 328/436.

**P.M.**

1.15 Book Club: The Hobbit by J.R.R. Tolkien — 9/15.
1.30 Break for music with Malay tradional songs — 48.
1.45 Just for variety by continuity announcer.
2.00 Soundtrack of the Sixties (K842 — 7 side 2B & 3B)
4.00 Chinese programmes.
8.00 The World of Books.
8.30 Thirty-Minute Theatre: "Three Women" by Sylvia P'ath.
9.00 Perspective
9.30 A Date With ...... (repeat)

### Saturday

**P.M.**

8.00 Hits In Germany
8.30 Animal, Vegetable or Mineral — 46/46.
9.00 Strictly Instrumental
9.30 Top of The Pops — 1042.

### Sunday

**A.M.**

11.00 Our Views: "Can You Plan the Future from the Past" with chairlady Kate Symonds — 27.
11.30 Practical World
11.45 London This Week

**NOON**

12.00 A Date With ......

**P.M.**

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 1042 (repeat)
1.30 Weekend Greetings
2.45 "Yes Minister" Episode 2: Big Brother
3.15 Just for variety
8.00 Our Views — 27 (repeat)
8.30 BBC Science Magazine
9.00 Beautiful Music — 39/60.
9.30 Soundtrack of the Sixties (K842 — 8 side 1A)

### Monday

**P.M.**

8.00 Theatre Forty-Five: "Forty Is A Dangerous Age, Arnold" by T. D. Webster
8.45 The Guitar Greats: "Ritchie Blackmore (side 2 of 2)
9.30 Sweet and Stylish by James David and Orchestra — 6/12

### Tuesday

**P.M.**

8.00 Just For You by Jaafar Yaakub
9.00 In Sentimental Mood
9.30 Stereo Pop Special: "Peter Tosh" side 1

### Daily

**A.M.**

6.29 Jingle
6.30 Allah Peliharakan Sultan
6.32 Quran and It's Translation
6.45 Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast
7.30 Local News with Tide Times
7.35 Brunei's AM (continued)
8.30 Chinese programmes.
11.00 Ladies at Eleven except Fridays and Sundays.

**NOON**

12.00 Lunch Break except Fridays and Sundays.
12.30 News followed by Brunei In History, and Weather Forecast
2.00 Close for morning transmission on Mondays-Thursdays
4.00 Close for morning transmission on Fridays and Sundays

**P.M.**

9.15 News.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI JURUTERA

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-yang berkelayakan untuk dilantik sebagai JURUTERA di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

**Sukatan Gaji :** B. 2 EB. 3 — $2270-$5240 sebu an. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

a) Lulus Bahagian I dan II peperiksaan Institution of Civil Engineers atau pun mempunyai ijazah atau Diploma yang mengecualikan mereka daripada mengambil peperiksaan-peperiksaan tersebut.

b) Bagi calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam — Pengalaman dalam melukis pelan dan kerja-kerja luar adalah berguna tapi tidak perlu.

c) Bagi pemohon-pemohon ekspartriat :
Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman dalam bidang Kejuruteraan Awam, Pembinaan Perancangan dan Rekabentuk, 3 tahun daripada tempoh ini dihabiskan dalam kerja-kerja luar.

d) Pengetahuan dalam Bahasa Melayu merupakan satu kelebihan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab :**

a) Sebagai pembantu kepada Pegawai Perhubungan Projek dan pegawai ini adalah bertanggungjawab bagi projek-projek pembangunan markas ABDB dan pemasangan.

b) Bekerja di bawah arahan Pegawai Perhubungan Projek, tugas-tugasnya adalah seperti berikut : —

i) Mengusahakan keperluan-keperluan bagi semua projek-projek baru Angkatan Bersenjata seperti yang dibutirkan dalam penyata 'Q' atau arahan kakitangan dan apabila perlu mengadakan Singie-line Drawings kepada Markas Pasukan atau Jabatan Kerajaan.

ii) Membuat perhubungan dengan JKR/perunding-perunding dan lain-lain Jabatan Kerajaan untuk mengesahkan keperluan-keperluan ABDB dan menentukan bahawa projek-projek adalah diselaraskan dan disiapkan dengan memuaskan.

iii) Menghadiri, menyediakan dan memberikan maklumat-baklumat yang berkenaan bagi mesyuarat-mesyuarat kemajuan kerja yang diadakan oleh markas pasukan atau oleh JKR.

iv) Menyediakan Anggaran Tahunan Pembangunan khemah-khemah pasukan.

v) Memeriksa dan meluluskan pelan-pelan dan penentuan-penentuan JKR/Perunding-perunding sebelum tawaran disediakan dan mengawasi kemajuan projek-projek di bawah pembinaan. Ini termasuk membantu JKR/Perunding-perunding dalam pengawalan mutu kerja.

vi) Menyediakan persiapan-persiapan sebelum penyerahan/pengambilan-alih/penamatan pemeriksaan pemeliharaan dengan JKR/Perunding-perunding dan untuk mengadakan mesyuarat bagi Lembaga-Lembaga Penyerahan bagi Angkatan Bersenjata berhubung dengan projek-projek angkatan tersebut.

**Syarat-syarat Lantikan**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darusslam.

Tarikh tutup : 24 Disember, 1984.
Bilangan iklan : 229/1984 E/2369/84

## Sebagai Pemeriksa

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PEMERIKSA di Jabatan Audit, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji:** D.1-2-3 EB 4-5 — $530-$1625 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan mempunyai kelulusan yang baik dalam mata pelajaran Ilmu Hisab.

Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang berpengalaman atau pernah mempelajari Ilmu Menyimpan Kira-Kira.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 31 Disember, 1984.
(Bil. Iklan: 230/84).
(E/595/72).

## SEBAGAI GURU BAHASA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai GURU BAHASA di Pusat Pengajian, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji :** G. 2—$1050-$2165 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Sijil pendidikan atau Diploma Pendidikan dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman mengajar.

b) Keutamaan akan diberi kepada salon-calon yang bahasa ibunda mereka ialah Bahasa Inggeris dan mempunyai kelulusan atau pengalaman di bidang mengajar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Asing.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama 3 tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25% setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Daussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat Lima, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 13 Disember, 1984.

(Bil iklan : 226/1984)

(E/1715/77).

## Pengawas Rumah-Rumah Kebajikan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PENGAWAS RUMAH-RUMAH KEBAJIKAN di Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji :** C. 3-4 EB. 5—$1990-$2970 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) HND (Higher National Diploma) dalam Sains Kemasyarakatan (Social Science) atau yang sebanding dengannya.

b) G.C.E. 'A' Level dengan dua mata pelajaran principal dan mempunyai pengalaman-pengalamannya tidak kurang dari 5 tahun dalam kerja-kerja kebajikan atau guru terlatih atau yang sebanding denganya; dan

c) Fasih dan mahir menulis membaca serta bertutur dalam Bahasa Inggeris dan Melayu.

d) Keutamaan akan diberi kepada pemohon-pemohon yang mempunyai pengalaman dalam kerja-kerja serta urusan-urusan bangunan-bangunan asrama.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang bukan rakyat Negara Brunei Darussalam akan ditawarkan kontrak tiga tahun dengan kadar baksis 25% daripada gaji setelah genap menamatkan tempoh kontrak.

Mereka yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darusalam.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 18 Disember, 1984.

(Bil iklan : 228/1984)

(E/1844/77).

## Kenyataan Tawaran Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong untuk membekal dan menyediakan makanan bagi PESTA SUKAN MERDEKA 1985.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis. 'TAWARAN KAN MERDEKA 1985., MAKAN PESTA SU- Tawaran-tawaran itu hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari 17 Disember, 1984 jam 12 tengah hari.

3. Pembekalan dan penyediaan adalah untuk :—
   a. Selama 11 hari mulai 22 Mac hingga 1 April, 1985.
   b. Seramai kira-kira 1,000 orang tiap-tiap hari atau angka yang diarahkan oleh Sekretariat dari semasa ke semasa.
   c. Sarapan pagi, makan tengah hari dan makan malam, bagi tiga buah tempat yang berasingan.

4. Semua makanan yang dihidangkan mestilah halal di sisi hukum Ugama Islam.

5. Pemborong-pemborong adalah dipelawa bagi menghantar harga-harga tawaran permakanan berdasarkan tiga cara tawaran yang disebutkan di bawah ini :—
   a. Harga tawaran yang meliputi semua aspek iaitu pembekalan barang-barang makanan dengan lengkap pekerja-pekerja dan pelayan-pelayannya, alat-alat perkakas sendiri dan sebagainya.
   b. Harga tawaran yang hanya menyediakan makanan dan pekerja-pekerja / pelayan-pelayan tetapi menggunakan alat kelengkapan yang disediakan.
   c. Harga tawaran yang hanya menyediakan makanan dan pelayan tetapi menggunakan pekerja dan alat kelengkapan yang disediakan.

6. Borang dan keterangan lanjut serta menu-menu yang lengkap untuk sarapan pagi, makan tengah hari, dan makan malam sepanjang Pesta Sukan Merdeka dan juga keterangan-keterangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh didapati dari Sekretariat Pesta Sukan Merdeka 1985, Tingkat 3, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

7. Wang cengkeram adalah dikehendaki sebanyak $250.00 (Dua ratus lima puluh ringgit).

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran yang difikirkan tidak munasabah termasuk pengalaman, kemampuan dan mutu masakan pemborong terpaksa dinilai.

## Di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada colan-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Radio dan Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENOLONG PENGURUS PENTAS :

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5—$530-$1625 sebuan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pernah mengikuti peperiksaan Tingkatan V Melayu atau Inggeris. Mestilah fasih dalam kedua-dua bahasa. Pengetahuan dalam peraturan penerbitan dan berminat dalam drama dan hiburan secara umum adalah diperlukan.

ATAU

Calon-calon yang telah bertugas secara sambilan atau bergaji hari di Radio Televisyen Brunei selama 2 tahun dalam bahagian rancangan dan dapat menunjukkan bakat dalam penerbitan rancangan bolehlah dipertimbangkan walaupun mereka tidak mempunyai kelayakan-kelayakan akademik.

**Tugas-tugas :**

Membantu Pengurus Pentas dalam tugas-tugasnya dengan apa cara yang diperlukan dan adakalanya perlu bertugas sebagai Pengurus Pentas. Juga mengawasi urusan-urusan kecil dalam penerbitan, misalnya keselamatan, memberi isyarat kepada artis-artis tambahan, dan lain-lain.

2. PENOLONG PEREKA RENDAH :

**Tanggagaji :** D. 1-2-3 EB. 4-5—$530-$1625 sebuan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah lulus peperiksaan Brunei Cambridge G.C.E. peringkat 'O' atau yang sebanding dengannya serta mendapat kepujian dalam lukisan. Satu ujian akan dijalankan oleh jabatan ini untuk menentukan kelayakan calon-calon bagi jawatan ini.

3. PEMBANTU STUDIO :

**Tanggagaji :** F. 1-2 EB. 3 — $445-$590 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Calon-calon mestilah sekuranfi-kurangnya telah lulus Tingkatan III aliran Melayu atau Inggeris dan bersopan sanserta mempunyai perwatakan yang baik. Berminat dalam kerja studio radio adalah merupakan satu keistimewaan.

**Tugas-tugas :**

Mengitup dan menghantar pita-pita. Memandu atau mengiring para penonton. Mengiringi artis-artis ke bahagian solek, pakaian, kantin dan lain-lain. Memastikan yang studio dan bilik-bilik kawalan sentiasa dalam keadaan kemas.

4. PENOLONG PEYUNTING FILEM :

**Tanggagaji :** D. 3 EB. 4 — $900-$1465 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon hendaklah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dalam kerja-kerja mengendalikan filem/pita televisyen sebagai Pelatih Teknikal. Mereka yang terbukti berpengalaman dalam menyunting filem atau bahan-bahan video akan diberi keutamaan.

**Tugas-tugas :**

Pemohon-pemohon yang berjaya akan ditempatkan sama ada di Penyunting Filem Kanan (Rancangan) atau Penyunting Filem Kanan (Berita dan Hal Ehwal Semasa) mengikut pengalamannya yang terdahulu.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 24 Disember, 1984.

Bilangan iklan : 233/1984 E/946/74

# D.P.P.W. BERANGKAT KE SIDANG ASEAN — E.C. DI DUBLIN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri kini berada di Dublin, Republik Ireland untuk menghadiri Persidangan Kelima Menteri-Menteri Negara-Negara ASEAN dan Masyarakat Eropah. Persidangan dua hari itu adalah untuk membincangkan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pembangunan di kalangan Negara-Negara ASEAN dan Masyarakat Eropah. Persidangan tersebut bermula esok, 15 November.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir yang diiringi oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Zariah bertolak meninggalkan negara ini pada hari Jumaat 9 November yang lalu.

Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain-lain Kerabat Diraja berangkat ke Lapangan Terbang Antarabangsa untuk mengucapkan selamat belayar kepada Duli Yang Teramat Mulia dan rombongan.

Rombongan mengandungi Setiausaha Tetap di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria dan pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Kementerian Kewangan.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ziarah kepada Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien sejurus sebelum Duli Yang Teramat Mulia bertolak ke Dublin.

# Perarakan Maulud Nabi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Perhimpunan dan perarakan akan diadakan serentak di keempat-empat daerah bagi menyambut dan merayakan hari Mauludin Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam pada hari Khamis 6 Disember depan.

Tema sambutan tahun ini berbunyi MEMELIHARA ISLAM KEWAJIPAN KITA.

Jawatankuasa tertinggi sambutan tersebut mempelawa umat Islam di negara ini supaya sama-sama menyertai perhimpunan dan perarakan tersebut dengan perasaan tulus ikhlas dan kasih sayang terhadap Baginda dan sebagai rasa terima kasih kita kepada jasa-jasa Baginda yang telah memancarkan cahaya dan roh Islam kepada kita semua.

Borang-borang dan keterangan lanjut untuk menyertai perhimpunan dan perarakan di Bandar Seri Begawan boleh didapati dari Setiausaha Perarakan Maulud Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wassalam 1405/1984, Tingkat Dua Bilik No. 312, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan dan hendaklah dikembalikan ke alamat tersebut tidak lewat dari 24 November ini jam 3.00 petang.

Manakala di daerah-daerah lain borang-borang boleh diperolehi dari Pejabat Hal Ehwal Ugama di daerah masing-masing.

# Paduka Seri Begawan berangkat melawat kapal perang Peranchis



KAPTAN Olhagaray menerangkan sesuatu ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan semasa Duli Yang Teramat Mulia mengadakan lawatan ke kapal perang Peranchis itu.

MUARA. — Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan telah berangkat melawat ke kapal perang Peranchis 'Doudart De Lagree' pada hari Isnin lalu.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia ke Pengkalan Tentera Laut Muara telah dijunjung oleh Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Dato Paduka Seri J.P.W. Friedberger, Captain Olhagaray iaitu Pegawai Pemerintah kapal perang tersebut, Duta Peranchis ke negara ini, T.Y.T. Monsieur Jacques Berniere, dan Pegawai Memerintah Tentera Laut, YDM Pehin Datu Juragan Laila Diraja Lt. Kolonel Dato Paduka Awang Kifli.

Kapal perang Peranchis itu berukuran 338 kaki panjang, dilengkapi dengan berbagai peralatan senjata moden termasuk peluru-peluru berpandu 'Exocet', meriam-meriam penangkis kapal terbang dan alat radar pengesan pergerakan musuh.

Semasa dalam lawatan singkat itu Kebawah Duli Yang Teramat Mulia telah dijunjung menyaksikan berbagai peralatan senjata dan menyaksikan beberapa bahagian kapal tersebut.

Doudart De Lagree sebelum ini telah mengadakan lawatan ke Surabaya Indonesia. Ianya mempunyai 170 orang anak buah termasuk pegawai-pegawai dan tujuan lawatannya ialah bagi meningkatkan hubungan persahabatan kerjasama di kalangan negara-negara yang mereka lawati. Mereka berada di negara ini selama tiga hari dan dijangka meninggalkan negara ini menuju Singapura pada hari ini.

Menyertai keberangkatan Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien itu ialah Yang Amat Mulia Pengiran Anak Abdul Wadood Bolkiah dan lain-lain Pegawai Kanan Kementerian Pertahanan.

# Dua orang dikurniakan gelaran Pahlawan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan mengurniakan gelaran Menteri Hulubalang kepada dua orang.

Istiadat Mengurniakan Surat Tauliah itu telah dilangsungkan di Surau Istana Darul Hana, dan telah disempurnakan di hadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah pada hari Sabtu 10 November yang lalu.

Kedua-dua mereka yang dikurniakan gelaran tersebut ialah Awang Haji Mudin bin Awang Haji Abdul Rahman dan Awang Haji Khamis bin Duraman kedua-dua mereka dikurniakan gelaran 'Pahlawan'.

Istiadat itu antara lain dihadiri oleh Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria serta pembesar-pembesar negara. Istiadat tersebut dimulakan dengan menapakkan gangsa sirih di atas bahu kanan, kiri, dan bahagian kepala oleh Pateh Haji Masri dan Damong Haji Mohiddin kepada kedua mereka yang dikurniakan gelaran.

Kemudian diikuti dengan Istiadat membacakan Surat Tauliah oleh Mudim Awang Haji Mustapha dan Mudim Awang Zainuddin dan seterusnya Do'a Selamat yang masing-masing dibacakan oleh Pehin Khatib Awang Haji Mat Yassin dan Pehin Khatib Awang Haji Abdul Wahid.

Sejurus sebelum beredar meninggalkan istiadat, kedua mereka yang dikurniakan gelaran tersebut kemudiannya mengadap menjunjung ziarah ke hadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah.

Pahlawan Awang Haji Mudin bin Haji Abdul Rahman berusia 31 tahun, ketika ini bertugas sebagai Atendan di Istana Nurul Iman. Beliau mula berkhidmat pada tahun 1973 di Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan dan berasal dari Kampong Saba Laut.

Manakala, Pahlawan Awang Haji Khamis bin Duraman juga berasal dari Kampong Saba Laut dan kini bermastautin di Kampong Sungai Pandan. Beliau pernah berkhidmat di Jabatan Pelajaran lebih dari sembilan tahun.



PAHLAWAN Awang Haji Mudin bin Haji Abdul Rahman menjunjung ziarah ke hadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, sebelum beredar meninggalkan Istiadat.



PAHLAWAN Awang Haji Khamis bin Duraman (Tengah) dengan diapit oleh Damong Haji Mohiddin dan Pengarah Haji Mokti, dalam Istiadat Membaca Surat Tauliah.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.